

NORWAHIDA NGAH
LWN.
ANUYAI KADIR DAN LIMA YANG LAIN

[Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu, Terengganu, (YA Tuan Haji Mohd Nazri bin Yusof), 22 Rabiulawal 1442H bersamaan 8 November 2020)]

[Kes Mal No. 11600-044-0151-2017]

Undang-undang Mahkamah Syariah – Pengesahan Hibah – Bidang kuasa mahkamah – Pemakaian Hukum Syarak – sama ada wujud atau tidak transaksi hibah – perlakuan hibah tidak dibuktikan – Sighah tidak sempurna – Tidak berlakunya qabul – Qabd tidak dibuktikan sewajarnya – Sama ada mendiami rumah semata-mata tanpa menguasai dianggap sebagai qabd – Hibah harta musha’

Undang-undang Keterangan – Tafsiran saksi – Saksi-saksi Plaintiff merupakan Defendan-defendan dalam kes – keterangan saksi Plaintiff tidak diterima

FAKTA KES

- [1] Kes ini adalah Tuntutan Pengesahan Hibah yang dikemukakan oleh Plaintiff iaitu Norwahida binti Ngah. Pada 7 November 2017, Plaintiff telah memfailkan Pernyataan Tuntutan terhadap Defendan 1 iaitu Anuyai bin Kadir, Defendan 2, Jamilah binti Kadir, Defendan 3, Reimas binti Hasan, Defendan 4, Mek Moh @ Asmahani binti Hassan, Defendan 5, Sabariah binti Hasan dan Defendan 6 iaitu Alias bin Hassan. Plaintiff dalam kes ini merupakan anak angkat kepada Si Mati Mek binti Hassan (selepas ini akan dikenali sebagai Si Mati Mek) dan Si Mati Kadir bin Sulaiman (selepas ini akan dikenali sebagai Si Mati Kadir). Defendan 1 dan Defendan 2 adalah merupakan anak kandung kepada Si Mati Kadir bin Sulaiman. Defendan 1 dan Defendan 2 adalah ahli waris dan berhak ke atas harta pusaka Si Mati Kadir bin Sulaiman. Manakala Defendan 3 hingga Defendan 6 pula adalah merupakan adik beradik dan ahli waris kepada Si Mati Mek binti Hassan.
- [2] Si Mati Mek Binti Hassan telah meninggal dunia pada 9 Oktober 2011, manakala Si Mati Kadir bin Sulaiman meninggal dunia pada 14 Mei 2014.
- [3] Dalam Pernyataan Tuntutan Plaintiff pada perenggan bernombor 10, Plaintiff mendakwa bahawa pada tahun 2012, satu pertukaran pindah milik telahpun dilakukan ke atas tanah dan rumah yang beralamat di No. 59, Kampung Apal, 22020 Jerteh, Terengganu ke atas nama Plaintiff oleh Si Mati. Namun, Plaintiff mendakwa bahawa oleh kerana bahagian rumah tersebut berada di atas tanah yang dimiliki oleh beberapa nama dan bahagian tanah yang berbilang nama, maka Plaintiff mendakwa bahawa dia perlu memfailkan kes di Mahkamah bagi tujuan pengesahan pemilikan tersebut.
- [4] Selain itu, pada perenggan bernombor 11, Plaintiff mendakwa bahawa ketika hayat mereka, kedua-dua Si Mati telah menghibahkan sebidang tanah berketerangan GM 3451, No. Lot 741, Tempat Kampung Apal, Mukim Jabi, Daerah Besut, Negeri Terengganu dan sebuah rumah di atasnya kepada Plaintiff sebagai pemberian secara kasih sayang antara ibu bapa angkat kepada anak angkatnya.
- [5] Oleh yang demikian, Plaintiff memohon kepada Mahkamah yang Mulia ini perintah-perintah sebagaimana berikut:

- a) Mensabitkan tuntutan pemberian hibah Si Mati- Si Mati kepada Plaintiff iaitu sebidang tanah berketerangan GM 3451, No. Lot 741, Tempat Kampung Apal, Mukim Jabi, Daerah Besut, Negeri Terengganu dan sebuah rumah di atasnya.
 - b) Memerintahkan Pentadbir Tanah Besut, Terengganu untuk memindah milik lot tanah tersebut ke atas nama Plaintiff.
 - c) Apa-apa relief yang difikirkan perlu oleh Mahkamah.
- [6] Dalam kes di hadapan Mahkamah ini, hanya Defendan 1 sahaja yang tidak bersetuju dengan dakwaan hibah yang telah dibuat oleh Plaintiff. Oleh sebab itu, Defendan 1 telah memfailkan Pernyataan Pembelaan pada 11 Disember 2017. Dalam Pernyataan Pembelaan dan Tuntutan Balasnya, Defendan 1 ada menuntut akan bayaran sewa dalam tempoh bermula tarikh Si Mati meninggal dunia sehingga perbicaraan bagi kes ini diputuskan.
- [7] Selain itu, merujuk kepada Nota Keterangan pada halaman 7, baris ke-20, ada dinyatakan bahawa Defendan 2 hingga Defendan 6 bersetuju dengan tuntutan pengesahan hibah ini yang telah difailkan oleh Plaintiff.

Peguam Syarie

Plaintif : *Encik Zukri Bin Jusoh dari Tetuan Zukri Jusoh & Co.*

Defendan 1 : *Tuan Haji Mustafa Kamal dari Tetuan Mustafa & Rosniza*

Undang-undang yang dirujuk

1. *Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 s.11 (3)(iv),*
2. *Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 s.245*
3. *Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 s.3*
4. *Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 s.2*

Kitab-kitab yang dirujuk

1. *Abu Bakar ibnu Muhammad Syatta al-Dimyati, Tanatul Talibin, juzuk ketiga, cetakan Darul Fikr, Beirut, Labenon, tahun 2002M/1422H, halaman 229 – 230*
2. *Sayyid Sabiq, Fiqh al-Sunnah, cetakan I, halaman 532*
3. *As-Sheikh Muhammad Al-Khatib As-Syarbini, Mughni Muhtaj, , juzuk kedua, keluaran Dar Al Makrifah, Beirut, Lubnan, cetakan pertama tahun 1997M/ 1418H, halaman 512*
4. *Dr. Abdul Karim Zaidan, Wajiz fi Syarah al-Qawaid al-Fiqhiah fi as-Syariat al-Islamiah, halaman 14, terbitan Ar-Risalah cetakan pertama 2001M/1422H*
5. *Al-Syaikh Syamsuddin Muhammad bin Muhammad al-Khathib al-Syarbiniy, Al-Iqna', Jil 2, hlm. 171*

Kes-kes yang dirujuk

1. *Alias bin Ismail lwn Fatimah binti Awang dan Lain, JH (1410H) Jld. VII Bhg. I, 47*
2. *Kamsiah binti Yusof lwn Latifah binti Yusof dan tiga yang lain, JH 27, Bhg. 2, 1430H, 2009, hlm. 242*
3. *Che Alias bin Che Muda lwn Abdul Talib @ Musa bin Muda, JH 25, Bhg 2, 1429H, 2008M, 199*

4. Mohd Anuar bin Omar lwn Norafidah binti Ibrahim, JH 41, Bhg. 2, 1436H, 2015, hlmn. 200
5. Zanani binti Mohd Noor lwn. Awang bin Merah & Satu Yang Lain, JH 26, Bhg. 2, 2008, hlm. 241

ALASAN PENGHAKIMAN

Bidang Kuasa Mahkamah

- [8] Dari aspek perundangan di Malaysia, tiada peruntukan khusus mengenai undang-undang hibah yang dikanunkan. Ini bermakna Dewan Perundangan Negeri dan Parlimen tidak pernah meluluskan statut khusus mengenai hibah orang Islam untuk dilaksanakan di Mahkamah-Mahkamah Syariah. Setakat yang ada hanyalah peruntukan yang menjelaskan tentang bidangkuasa Mahkamah Syariah mengenainya termasuk dalam Butiran 1, Senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa:

*“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan mewarisi harta berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, **pemberian**, pembahagian harta dan amanah bukan khairat; ...”.*

- [9] Manakala di dalam Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 pula, bidangkuasa mengenai hibah, adalah diberi kepada Mahkamah Tinggi Syari’ah sebagai *bidangkuasa asal*. Subseksyen 11 (3) (iv) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan:

Mahkamah Tinggi Syar’iah hendaklah –

- a) ...
- b) *dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan –*
 - (iv) ***alang semasa hidup***, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seorang orang Islam ;

- [10] Seterusnya, Mahkamah merujuk kepada peruntukan seksyen 245, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, yang menyatakan bahawa:

Seksyen 245. Hukum Syarak.

(1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di bawah Enakmen ini yang tak selaras dengan Hukum Syarak hendaklah terbatal setakat ketakselarasan itu.

(2) Jika terdapat apa-apa lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Enakmen ini, Mahkamah hendaklah menggunakan Hukum Syarak.

[11] Mengikut peruntukan undang-undang yang berjalan kuat kuasanya di dalam negeri ini pada masa sekarang, Mahkamah berpuashati bahawa Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu adalah mempunyai bidangkuasa mendengar dan memutuskan tuntutan yang berada di hadapan Mahkamah ini. Mahkamah juga berpuashati dengan permastautinan Plaintiff sebagaimana peruntukan Seksyen 2 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 yang memberi tafsiran “*bermastautin*” ertinya tinggal tetap atau pada kelazimannya dalam sesuatu kawasan yang tertentu yang mana Mahkamah berpuas hati bahawa semasa tuntutan ini dibuat, Plaintiff adalah beralamat di No. 59, Kampung Apal, 22020 Jerneh, Terengganu. Maka dengan ini jelas bahawa Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu mempunyai kuasa untuk memutuskan dan menentukan tuntutan berhubung keesahan hibah ini dan Plaintiff adalah layak dan mempunyai kausa tindakan untuk membuat tuntutan pengesahan hibah ini.

[12] Meneliti kepada apakah definisi yang dimaksudkan dengan perkataan *hibah* mengikut Hukum Syara’, Mahkamah merujuk kepada kitab *I’anatul Talibin*, oleh Abu Bakar ibnu Muhammad Syatta al-Dimyati, juzuk ketiga, cetakan Darul Fikr, Beirut, Labenon, tahun 2002M/1422H, pada halaman 229 hingga 230, ada mendefinisikan pengertian *hibah* sebagaimana berikut:

الهبة تملك عين يصح بيعها غالباً أو دين من أهل تبرع بلا عوض

Bermaksud:

“*Hibah bererti memberi milik sesuatu barang yang mana mengikut kebiasaannya barang itu sah untuk dijual, atau diberi hutang, kepada seseorang oleh ahli tabarru’ (orang yang suka membuat kebajikan) dengan tidak ada barang tukaran.*”

[13] Seterusnya, Sayyid Sabiq di dalam kitabnya, *Fiqh al-Sunnah*, cetakan 1, halaman 532 secara epistemologi mentakrifkan hibah sebagai:

الهبة هي التبرع من جائز التصرف في حياته لغيره، بمال معلوم أو غيره، بلا عوض

Bermaksud:

“*Sesuatu akad yang mengandungi pemberian milik oleh seseorang terhadap hartanya kepada seseorang yang lain pada masa hidupnya tanpa sebarang balasan.*”

[14] Mahkamah membuat rujukan kepada perkataan hibah secara literal. Perkataan ini tidak diperuntukkan di dalam undang-undang dan tidak ada di dalam tafsiran berkanun. Walaupun begitu, di dalam Kamus Dewan, Edisi Ketiga, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, Edisi Keempat Tahun 2014, perkataan ‘*hibah*’ atau ‘*hibbah*’ diertikan sebagai pemberian hak (harta) secara sukarela kepada orang lain dengan tujuan baik. Perkataan ‘*hibah*’ atau ‘*hibbah*’ yang diertikan sebagai, “*pemberian hak (harta) secara sukarela kepada orang lain dengan tujuan baik*” itu mengikut undang-undang adalah sebagaimana yang diperuntukkan di dalam subseksyen 11 (3) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 iaitu “*alang semasa hidup*”.

[15] Perkataan “*alang semasa hidup*” sebagaimana yang diperuntukkan di dalam undang-undang, juga tidak ada dalam tafsiran berkanun di dalam negeri ini. Namun begitu, di

dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Edisi Keempat, 2014, makna perkataan “alang” antaranya diberi erti “*pemberian*”. Mengikut pengertian ini bolehlah dikatakan bahawa “*alang semasa hidup*” mempunyai erti yang sama dengan perkataan “*pemberian semasa hidup*”. “*Pemberian semasa hidup*” memberi maksud bahawa semasa seseorang itu masih hidup dia memberi atau menyerahkan sesuatu harta kepada seseorang lain, atau organisasi atau seumpamanya tanpa sebarang tukaran atau balasan”.

- [16] Pengertian tentang kata ‘pemberian hidup, alanghayat atau hibbah’ ada dibuat ulasan secara jelas di dalam kes *Alias bin Ismail lwn Fatimah binti Awang dan Lain, JH (1410H) Jld. VII Bhg. I, 47*. Mengikut penghakiman kes yang tersebut, dapat disimpulkan bahawa maksud dan pemakaian perkataan *pemberian hidup, alang hayat, pemberian semasa hidup, alang semasa hidup* atau *hibbah* adalah sinonim dengan maksud memberi milik sesuatu barang yang mana mengikut kebiasaannya barang itu sah untuk dijual, atau diberi hutang, kepada seseorang oleh ahli *tabarru’* dengan tidak ada sebarang barang tukaran. Oleh yang demikian, peruntukan di dalam subseksyen 11 (3) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001,...*alang semasa hidup*...adalah sama maksud dengan pengertian hibbah mengikut Hukum Syara’. Dengan yang demikian, Mahkamah berpuashati untuk mengendalikan kes tuntutan ini menurut peruntukan hibbah dalam Hukum Syara’.
- [17] Dalam kes ini, terdapat dua (2) isu yang perlu diputuskan oleh Mahkamah iaitu, isu pertama, sama ada dakwaan hibbah Plaintiff memenuhi rukun-rukun dan syarat-syarat hibbah dan sama ada wujud atau tidak *Qabd* bagi harta yang didakwa dihibhakan. Isu kedua pula adalah sama ada keterangan saksi-saksi Plaintiff boleh diterima sebagai keterangan saksi atau tidak.

Isu Pertama: Sama ada dakwaan hibbah Plaintiff memenuhi rukun-rukun dan syarat-syarat hibbah dan sama ada wujud atau tidak *Qabd* bagi harta yang didakwa dihibhakan.

- [18] Isu dalam kes ini adalah sama ada dakwaan hibbah Plaintiff memenuhi rukun-rukun dan syarat-syarat hibbah dan sama ada wujud atau tidak *Qabd* bagi harta yang didakwa dihibhakan. Mahkamah akan memperincikan sebagaimana berikut:
- i. Adakah dakwaan hibbah oleh Plaintiff menepati rukun-rukun dan syarat-syarat hibbah yang telah digariskan oleh Hukum Syara’?
 - ii. Adakah wujud *Qabd* bagi harta yang didakwa dihibhakan kepada Plaintiff?
- [19] Isu pertama yang perlu dijawab dalam kes ini Tuntutan Pengesahan Hibbah ini adakah dakwaan hibbah oleh Plaintiff menepati rukun-rukun dan syarat-syarat hibbah yang telah digariskan oleh hukum syarak?
- [20] Berkaitan dengan rukun-rukun dan syarat-syarat hibbah, menurut As-Sheikh Muhammad Al-Khatib As-Syarbini di dalam kitabnya *Mughni Muhtaj* halaman 512, juzuk kedua, keluaran Dar Al Makrifah, Beirut, Lubnan, cetakan pertama tahun 1997M/ 1418H, yang menyebut:

فأركانها ثلاثة : عاقد وصيغة وموهوب

Bermaksud:

“Ada pun rukun hibah itu ada tiga, iaitu pihak-pihak yang melakukan aqad hibah pemberi hibah (waahib) dan penerima hibah (mauhub lahu), sighth iaitu lafaz ijab dan qabul, dan mauhub iaitu barang yang dihibahkan.”

- [21] Berdasarkan kepada petikan kitab di atas, Mahkamah mendapati bahawa rukun hibah terbahagi kepada tiga rukun. Iaitu:

Rukun Pertama: Pihak-pihak yang melakukan aqad hibah, iaitu pemberi hibah (*waahib*) dan penerima hibah (*mauhub lahu*).

Rukun Kedua: *Lafaz ijab dan qabul (Sighth)*.

Rukun Ketiga: Barang yang dihibahkan (*mauhub*).

Rukun Pertama: Pemberi Hibah (waahib)

- [22] Pemberi hibah (*waahib*) ialah orang yang memiliki barang atau harta yang diberi, sekiranya terbukti benar penghibah itu pemilik harta yang sah, dia berhak menghibahkan harta tersebut. Dalam kes di hadapan Mahkamah ini, Plaintiff mendakwa bahawa rumah di atas tanah Lot 741, GM 3451, Mukim Jabi, Kg. Apal, telah dihibahkan kepadanya. Mahkamah merujuk kepada Nota Keterangan pada halaman 8, baris ke-25 hingga 28, Plaintiff ada mendakwa bahawa, *“Seingat saya, Mek binti Hassan memberikan hibah kepada saya. Mek beritahu “mung dok payoh risau, rumah ini dah jadi milik mung.” Lafaz tersebut dilafaz ketika saya masih belajar, masa itu di SMK Seri Nering, lebih kurang ketika saya tingkatan 5.”* Berdasarkan kepada keterangan Plaintiff ini, Plaintiff mendakwa bahawa rumah tersebut telah dihibahkan kepadanya sewaktu Plaintiff berada di Tingkatan 5. Persoalan berkaitan dengan pemberi hibah ini juga dirujuk dalam Nota Keterangan pada halaman 13, baris pertama hingga ke-3. Ketika disoal balas oleh Peguam Syarie Defendan, Plaintiff ada mendakwa dengan menyatakan bahawa, *“Saya tidak bersetuju dengan soalan Peguam kerana Kadir pun pernah kata bagi rumah ini kepada saya, sebab hari tu tak sempat nak beritahu dan peguam tak tanya.”* Manakala, merujuk kepada Nota Keterangan pada halaman 17, baris ke-22, ketika disoal oleh Mahkamah, Plaintiff ada mendakwa bahawa, *“Mereka ada berkata, ‘mung dok payah risau tentang rumah ni’, Mek pun kata dan Kadir pun ada kata.”* Berdasarkan kepada keterangan Plaintiff yang dirujuk, Mahkamah dapati bahawa Plaintiff mendakwa bahawa kedua-dua Si Mati Mek dan Si Mati Kadir ada menghibahkan rumah kepadanya.

- [23] Dalam keterangan Plaintiff juga, iaitu dalam Nota Keterangan pada halaman 8, baris ke-17, Plaintiff ada mendakwa bahawa, *“Ada empat orang nama atas tanah ini iaitu, Mek Mah @ Asmahani binti Hassan (1/4 bahagian), Norwahida binti Ngah (1/4 bahagian), Reimas binti Hassan (1/4 bahagian), dan Si Mati Mek binti Hasan (1/4 bahagian) yang mana Alias bin Hassan, Norwahida binti Ngah, Anuyai bin Kadir dilantik sebagai pentadbir bagi 1/4 bahagian bahagian tersebut.”* Hal ini juga dirujuk dalam Sijil Carian Rasmi, Ikatan Dokumen Plaintiff bagi tanah tersebut yang telah ditandakan sebagai P-3.

- [24] Mahkamah merujuk kepada Ikatan Dokumen Plaintiff yang ditandakan sebagai P-3, iaitu Sijil Carian Rasmi bagi sebidang tanah berketerangan GM 3451, No. Lot 741, Tempat Kampung Apal, Mukim Jabi, Daerah Besut, Negeri Terengganu. Berdasarkan

P-3, halaman 4 hingga 6, Mahkamah mendapati bahawa tanah tersebut dimiliki oleh Mek Moh @ Asmahani binti Hasan (1/4 bahagian), Norwahida binti Ngah (1/4 bahagian), Reimas binti Hasan (1/4 bahagian). Manakala Alias bin Hasan, Norwahida binti Ngah dan Anuyai bin Kadir sebagai pentadbir untuk ¼ bahagian milik Si Mati Mek.

- [25] Ketiga-tiga daripada mereka yang telah dilantik sebagai pentadbir kepada ¼ bahagian Si Mati Mek adalah berdasarkan rujukan kepada Nota Perbicaraan dari Unit Pembahagian Pusaka Terengganu Utara, Tingkat 2, Bangunan Persekutuan, 22200 Besut, Terengganu (selepas ini akan disebut sebagai “Nota Perbicaraan tersebut”). Nota Perbicaraan tersebut adalah merupakan Ikatan Dokumen Plaintiff, halaman 7 hingga 10 yang ditandakan sebagai P-4 dan halaman 11 hingga 15 yang ditandakan sebagai P-5. Berdasarkan kepada Nota Perbicaraan yang ditandakan sebagai P-4 tersebut, Mahkamah mendapati bahawa, perbicaraan dilakukan dibawah Seksyen 8 (Akta 98) dalam perkarahan harta pusaka milik Si Mati Mek binti Hasan, No. KP: 510305-11-5168 (4030701), yang meninggal pada 09 Oktober 2011. Perbicaraan di Unit Pembahagian Pusaka Terengganu Utara pada 03 April 2017 (selepas ini akan disebut sebagai “Unit Pembahagian Pusaka tersebut”) adalah bagi tanah hak milik GM3451, Lot 741 dan GM3707 Lot 5763. Namun, tanah yang dipertikaikan dalam kes ini hanyalah tanah berketerangan GM3451, No. Lot 741 Tempat Kampung Apal, Mukim Jabi, Daerah Besut, Negeri Terengganu, sebanyak ¼ bahagian. Senarai waris yang berhak dan orang yang berkepentingan bagi ¼ bahagian tanah tersebut adalah sebagaimana berikut:

- 1) *Kadir bin Sulaiman, No. KP: 370529-11-5173, Hubungan: Suami, (meninggal dunia pada 14 Mei 2014).*
- 2) *Reimas binti Hasan, No. KP: 530919-11-5160, Hubungan: Saudara Perempuan Sebapa.*
- 3) *Jamilah binti Kadir, No. KP: 600408-11-5194, Hubungan: Anak Perempuan kepada Kadir bin Sulaiman.*
- 4) *Mek Moh @ Asmahani binti Hassan, No. KP: 600803-11-5004, Hubungan: Saudara Perempuan Sebapa.*
- 5) *Anuyai bin Kadir, No. KP: 621020-11-5131, Hubungan: Anak Lelaki kepada Kadir bin Sulaiman.*
- 6) *Sabariah binti Hasan, No. KP: 630926-11-5458, Hubungan: Saudara Perempuan Sebapa.*
- 7) *Alias Bin Hassan, No. KP: 660620-11-5655, Hubungan: Saudara Lelaki Sebapa.*
- 8) *Norwahida binti Ngah, No. KP: 831110-11-5106.*

- [26] Merujuk kepada P-4, pada halaman 9, ada menyatakan bahawa, “*Si Mati tiada hutang, belanja Si Mati selesai. Tanah Lot 2 Lot sahaja. Harta lain tiada, tanah belum dijual. Atas tanah Lot 741 adalah hibah kepada anak angkat Norwahida tapi tidak buat pertukaran nama semasa hidup.*” Mahkamah mendapati bahawa, berdasarkan kepada Nota Perbicaraan tersebut, wujud dakwaan hibah oleh Norwahida.

- [27] Seterusnya, berdasarkan kepada P-5, Nota Perbicaraan tersebut pada halaman 13, Defendan 1, Anuyai Bin Kadir mendakwa bahawa, “*Saya Anuyai pohon dibayar RM60,000.00 atas nilai rumah ini. Saya pohon dibayar atas bahagian saya atas nilai rumah RM150,000.00.*” Namun, ianya tidak dipersetujui oleh Norwahida. Mahkamah merujuk pada halaman yang sama iaitu pada halaman 13, Nota

Perbicaraan tersebut, Plaintiff ada mendakwa bahawa, “*Saya Nurwahida binti Ngah tidak setuju dengan tuntutan bayaran oleh Anuyai dan pohon kes dibawa ke Mahkamah Syariah tuntutan hibah.*”

- [28] Oleh kerana wujudnya dakwaan hibah dan tiada persetujuan bersama antara pihak-pihak semasa perbicaraan di Unit Pembahagian Pusaka tersebut, maka cadangan pembahagian dalam P-5 pada halaman 14, Nota Perbicaraan tersebut, adalah sebagaimana berikut:

CADANGAN PEMBAHAGIAN

1) GM 3451 Lot 741 = Alias bin Hasan	}	
= Anuyai bin Kadir	}	sebagai pentadbir
= Nurwahida binti Ngah	}	

KESIMPULAN

Oleh kerana tiada muafakat atas tanah Lot 741, pentadbir dilantik untuk membolehkan kes dibuat tuntutan di Mahkamah Syariah. Jadi dengan ini harta Si Mati diturun milik sebagaimana perintah.

- [29] Dalam Ikatan Dokumen Plaintiff, P-5, catatan Nota Perbicaraan tersebut pada halaman 15, ada menyatakan sebagaimana berikut:

- 1) Pembatalan pentadbir adalah melalui Borang P.
- 2) Nurwahida dikehendaki membuat tuntutan hibah atas rumah yang dikatakan diberi kepada beliau.
- 3) Sebarang keputusan dari Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah difailkan semasa mengisi Borang P untuk membatalkan Pentadbir nanti.
- 4) Semua ahli waris yang lain bersetuju tolak bahagian atas tanah dan rumah kepada Norwahida kecuali Anuyai.

- [30] Oleh itu, berdasarkan kepada Ikatan Dokumen Plaintiff yang ditandakan sebagai P-3 (Sijil Carian Rasmi) dan P-4 dan P-5, (Nota Perbicaraan di Unit Pembahagian Pusaka tersebut), Mahkamah dapati bahawa, sebidang tanah berketerangan GM 3451, No. Lot 741, Tempat Kampung Apal, Mukim Jabi, Daerah Besut, Negeri Terengganu adalah dimiliki oleh Si Mati Mek binti Hasan (1/4 bahagian), Mek Moh @ Asmahani binti Hasan (1/4 bahagian), Norwahida binti Ngah (1/4 bahagian), Reimas binti Hasan (1/4 bahagian).

- [31] Setelah dibicarakan di Unit Pembahagian Pusaka Terengganu Utara, tiga orang pentadbir bagi ¼ bahagian tanah milik Si Mati Mek telah dilantik iaitu, Alias Bin Hasan, Anuyai bin Kadir dan Nurwahida binti Ngah. Lantikan pentadbir ini diputuskan kerana tiada kata sepakat yang dicapai oleh sebab Nurwahida binti Ngah ada mendakwa bahawa ¼ bahagian bagi hak milik GM3451 Lot 741 tersebut telah dihibahkan kepadanya. Hal ini tidak dipersetujui oleh salah seorang ahli waris iaitu Anuyai.

- [32] Anuyai dalam Nota Perbicaraan tersebut mencadangkan penyelesaian secara bayaran sejumlah wang. Namun Nurwahida tidak bersetuju dengan cadangan yang memohon sejumlah RM60,000.00 daripada nilai rumah RM150,000.00 dibayarkan kepadanya. Sebaliknya, ianya tidak dipersetujui oleh Nurwahida. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada Nota Perbicaraan, P-5 halaman 15, Nurwahida dikehendaki membuat Tuntutan Pengesahan Hibah di Mahkamah Syariah dan kes ini telah dibicarakan di hadapan Mahkamah ini.

- [33] Dalam perbicaraan di hadapan Mahkamah ini, Mahkamah merujuk kepada Nota Keterangan pada halaman 17, baris ke-6, Plaintiff ketika disoal semula oleh Peguam Syarie Plaintiff, ada mendakwa bahawa, “*Apa yang saya jawab tadi, saya hanya menuntut rumah sahaja, saya tidak akan alih rumah tersebut sebab saya yakin bahawa nama saya ada dalam geran tersebut dan hanya tunggu pecah lot sahaja.*”
- [34] Oleh itu, Mahkamah mendapati bahawa berdasarkan kepada keterangan Plaintiff ini, Plaintiff mendakwa bahawa dia hanya menuntut rumah tersebut sahaja. Namun, jika dilihat kepada Pernyataan Tuntutan Plaintiff pada perenggan bernombor 11, Plaintiff ada mendakwa bahawa, “*Pada masa hayatnya juga, kedua-dua Si Mati telah menghibahkan kepada Plaintiff satu buah rumah berserta tapak tanah tersebut yang merupakan milik kepada penama Kadir bin Sulaiman, No. KP: 370529-11-5173 sebagai pemberian kasih sayang antara ibu bapa angkat kepada anak angkatnya.*”
- [35] Perkara ini juga ada diujahkan oleh Peguam Syarie Defendan 1 dalam Hujahan Bertulis Defendan 1 pada perenggan bernombor 1 (a). Dalam hujahan tersebut, Peguam Syarie Defendan 1 ada menghujahkan bahawa, “*Dalam Pernyataan Tuntutan, Plaintiff menuntut tuntutan hibah terhadap sebuah rumah dan tapaknya berketerangan GM 3451, Lot 741, Mukim Jabi, Besut, Terengganu sedangkan dalam keterangan Plaintiff, Plaintiff menuntut sebuah rumah sahaja.*” Selain itu, dalam hujahan yang sama iaitu Hujahan Bertulis Defendan 1 pada perenggan bernombor 1 (c) ada menghujahkan dan mendakwa bahawa, “*Dalam Pernyataan Tuntutan Plaintiff, tidak dinyatakan secara specific berkaitan dengan kadar tuntutan terhadap rumah dan tapaknya secara umum boleh difahami adalah atas keseluruhan aset yang disebut sedangkan tanah yang dipertikai atas pemilikan ramai bukannya hak milik Si Mati seorang kerana Mek Binti Hasan hanya memiliki ¼ bahagian sahaja.*”
- [36] Berdasarkan kepada keterangan Plaintiff dan hujahan Peguam Syarie Defendan 1 yang dirujuk, Mahkamah mendapati bahawa rukun pertama berkaitan dengan pemberi hibah adalah dianggap tidak dipenuhi. Hal ini kerana, rumah yang didakwa dihibahkan adalah berada di atas tanah yang bukannya milik Si Mati, Mek Bin Hasan seorang. Berbalik kepada maksud istilah pemberi hibah iaitu orang yang memiliki barang atau harta yang diberi, sekiranya terbukti benar penghibah itu pemilik harta yang sah, dia berhak menghibahkan harta tersebut. Oleh itu, dalam kes di hadapan Mahkamah ini, berdasarkan kepada keterangan Plaintiff, Hujahan Defendan 1, dan P-3 yang dirujuk di atas, Mahkamah dapati bahawa tanah yang mana di atasnya sebuah rumah yang didakwa dihibahkan kepada Plaintiff adalah merupakan tanah milikan ramai bukannya milikan Si Mati, Mek Binti Hasan seorang. Oleh yang demikian, Mahkamah berpendapat bahawa rukun pertama bagi pemberi hibah dalam kes ini adalah tidak dipenuhi.

Penerima Hibah (*mawhub lahu*)

- [37] Penerima hibah (*mawhub lahu*) ialah orang yang menerima harta yang dihibahkan melalui persetujuan dan keredhaan penghibah. Syarat penerima hibah (*mawhub lahu*) adalah seorang dewasa dan mempunyai keahlian atau keupayaan dalam memiliki menguruskan harta yang dihibahkan kepadanya.

- [38] Sebagaimana yang dijelaskan oleh As-Sheikh Muhammad Al-Khatib As-Syarbani di dalam kitab *Mughni Muhtaj*, juzuk kedua, keluaran Dar Al-Makrifah, Beirut, Lubnan, cetakan pertama tahun 1997M/1418H ada menjelaskan:

ويشترط في الموهوب له أن يكون فيه أهلية الملك لما يوجب له من تكليف وغيره

Bermaksud:

“Dan disyaratkan penerima hibah mempunyai keahlian untuk memiliki harta yang dihibahkan kepadanya seperti syarat mukallaf dan lainnya.”

- [39] Merujuk kepada rujukan kitab tersebut, difahami bahawa orang yang menerima hibah disyaratkan dalam kalangan orang yang berkemampuan untuk menerima harta atau barang yang dihibahkan seperti *baligh* dan *mukallaf*.
- [40] Bagi rukun penerima hibah pula, Mahkamah mendapati bahawa Plaintiff adalah orang yang berkemampuan untuk menerima harta atau barang yang dihibahkan kerana ketika hibah tersebut didakwa dilafazkan kepadanya, Plaintiff mendakwa bahawa ianya dinyatakan ketika Plaintiff berada pada Tingkatan 5. Oleh itu, syarat bagi rukun penerima hibah ini dipenuhi kerana Plaintiff dianggap sebagai seorang yang berkemampuan untuk menerima apa-apa harta atau barang yang dihibahkan.

Rukun Kedua: Lafaz *ijab* dan *qabul*

- [41] Seterusnya adalah rukun kedua hibah iaitu lafaz *ijab* dan *qabul*. Mahkamah merujuk kepada kaedah fiqhiyyah yang diterangkan dalam kitab *Wajiz fi Syarah al-Qawaid al-Fiqhiah fi as-Syariat al-Islamiah* oleh Dr. Abdul Karim Zaidan, halaman 14, terbitan Ar-Risalah cetakan pertama 2001M/1422H ada menerangkan berkaitan dengan akad:

العبرة في العقود في للمقاصد والمعاني لا للألفاظ والمباني

Bermaksud:

“Ungkapan pada akad hendaklah membawa kepada tujuan dan pengertiannya bukan semata-mata kepada lafaz dan maknanya.”

- [42] Petikan daripada kitab di atas membawa maksud bahawa akad merupakan suatu ungkapan yang membawa maksud tujuan dan pengertian sesuatu akad itu dibuat dan bukan semata-mata wujudnya lafaz dan maknanya sahaja.
- [43] As-Sheikh Muhammad Al-Khatib As-Syarbani di dalam kitab *Mughni Muhtaj*, juzuk kedua, keluaran Dar Al-Makrifah, Beirut, Lubnan, cetakan pertama tahun 1997M/1418H ada menjelaskan:

و(إيجاب وقبول لفظ) من الناطق مع التواصل المعتاد كالبيع، وهذا هو الركن الثاني. ومن صريح الإيجاب: (وهابتك) و (منحتك) (ملكك بلا ثمن)، ومن صريح القبول: (قبلت) و(رضيت)

Bermaksud:

“Dan penawaran (*ijab*) dan penerimaan (*qabul*) adalah secara lafaz daripada percakapan berserta bersambung antara *ijab* dan *qabul* mengikut kebiasaan sebagaimana dalam jual beli. Ini adalah rukun yang kedua. Antara contoh *ijab* secara soresh sebagaimana perkataan ‘aku berikan kepada mu’, ‘aku anugerahkan kepada mu,’ dan ‘aku beri

milik kepada mu tanpa ada bayaran'. Manakala contoh qabul secara soreh pula sebagaimana perkataan 'aku terima' dan 'aku redha'."

- [44] Menurut As-Sheikh Muhammad Al-Khatib As-Syarbani dalam kitab di atas, *ijab* dan *qabul* adalah secara lafaz daripada percakapan berserta bersambung antara *ijab* dan *qabul* mengikut kebiasaan sebagaimana dalam urusan jual dan beli. Dalam kitab di atas membawa beberapa contoh lafaz *ijab* antaranya ialah “*aku berikan kepada kamu*”. Manakala contoh bagi *qabul* pula ialah “*aku terima*.” Kedua lafaz tersebut hendaklah bersambung dan disertai dengan penyerahan atau penerimaan harta yang dihibahkan sebagaimana dalam urusan jual beli. Namun yang membezakan antara akad hibah dan akad jual beli adalah pada balasan/ bayarannya. Tiada bayaran yang diterima setelah akad dibuat bagi maksud hibah dan sebaliknya berlaku untuk urusan jual beli.
- [45] Mahkamah meneliti petikan yang dinukilkan dalam kitab *I'anutul Talibin*, oleh Abu Bakar ibnu Muhammad Syatta al-Dimyati, juzuk ketiga, cetakan Darul Fikr, Beirut, Labenon, tahun 2002M/1422H, halaman 247 menjelaskan:

الهبه: تمليق عين بلا عوض بإيجاب وقبول ولو قال جعلت هذا لاني، لم يملكه ألا أن قبض له

Bermaksud:

“Memberi milik sesuatu kepada seseorang lain tanpa apa-apa balasan bayaran dengan diikuti lafaz ijab dan qabul seperti ayah berkata kepada anaknya, aku jadikan ini untuk anakku, maka anak itu memiliki barang tersebut dengan memegangnya.”

- [46] Tuntasnya, berdasarkan petikan daripada kitab *I'anutul Talibin* di atas, Mahkamah berpendapat bahawa petikan ayat daripada kitab ini menegaskan lafaz *ijab* dan *qabul* perlu ada dalam sesuatu pemberian hibah (pemberian tanpa balasan).
- [47] Dalam kes dihadapan Mahkamah ini, Plaintiff mendakwa bahawa wujudnya lafaz *ijab* daripada Si Mati, Mek Bin Hasan kepadanya. Mahkamah merujuk kepada keterangan Plaintiff pada halaman 8, pada baris ke-25, Plaintiff ada mendakwa bahawa, Si Mati, Mek Binti Hasan ada melafazkan *ijab* hibah iaitu, “*mung dok payoh risau, rumah ni dah jadi milik mung.*” Manakala, dalam keterangan Plaintiff dalam Nota Keterangan pada halaman 8, baris ke-32, Plaintiff mendakwa ada melafazkan *qabul* hibah iaitu, “*yelah ma.*”
- [48] Selain itu, ketika disoal oleh Mahkamah pada Nota Keterangan halaman 17, baris ke-22, Plaintiff ada mendakwa bahawa, “*Lafaz 'Mung dok payah risau tentang rumah ini' ada dinyatakan oleh Si Mati Mek Binti Hasan dan Si Mati Kadir bin Sulaiman.*” Berdasarkan kepada keterangan Plaintiff ini, seolah-olah mendakwa bahawa lafaz *ijab* hibah ada dinyatakan oleh kedua-dua Si Mati. Namun, dalam mana-mana keterangan Plaintiff, Plaintiff tidak menyatakan bila dan dimana lafaz *ijab* hibah yang dinyatakan oleh Si Mati Kadir bin Sulaiman. Begitu juga dengan bentuk, bila dan dimana lafaz *qabul* hibah daripada Plaintiff yang menunjukkan penerimaan hibah oleh Plaintiff. Oleh itu, Mahkamah beranggapan bahawa keterangan Plaintiff berkaitan dengan lafaz *ijab* *qabul* daripada penerima dan pemberi hibah agak kabur dan tidak jelas.
- [49] Walaupun dalam keterangan Plaintiff ada mendakwa bahawa ketika Plaintiff masih berada di Tingkatan 5, Si Mati Mek bin Hasan ada melafazkan *ijab* hibah kepada dan

disusuli dengan ijab qabul darinya, namun, Mahkamah menegaskan bahawa sesuatu hibah itu tidak menjadi sah hanya dengan wujudnya ijab dan qabul semata-mata. Kerana, masih ada rukun-rukun dan syarat-syarat lain yang harus dipenuhi oleh Plaintiff bagi membolehkan Mahkamah mensabitkan Tuntutan Pengesahan Hibah ini. Sekali lagi, Mahkamah ingin menegaskan bahawa sesuatu dakwaan hibah itu tidak boleh disabitkan sekiranya salah satu daripada rukun atau syarat hibah tidak dipenuhi.

- [50] Seterusnya adalah berkaitan dengan syarat dalam rukun kedua hibah iaitu *qabd* yang mana juga termasuk dalam perkara yang perlu dijawab dalam isu pertama dalam kes ini, iaitu sama ada wujud atau tidak *qabd* bagi harta yang didakwa dihibahkan.

Qabd

- [51] Mahkamah merujuk kepada kitab *Akad al-Bai' fi Fiqh Islami*, halaman 195 ada menjelaskan bahawa *qabd* dari segi bahasa bermaksud:

تناول الشيء بجميع الكف

Bermaksud:

“Mencapai sesuatu dengan bentuk pembekuan barang tersebut.”

- [52] Manakala, kitab *Majallah al-Ahkam al-Adliyah* Fasal 837 dalam Bab Pertama Kontrak Hibah ada menerangkan perihal *qabd* sebagaimana berikut:

المادة 837: تنقد الهبة بالايجاب والقبول وتتم بالقبض

Bermaksud:

“Hibah berlaku dan sah dengan ijab dan qabul dan ia menjadi sempurna dengan *qabd*.”

- [53] Tambahan pula, menurut Abu Bakar ibnu Muhammad Syatta al-Dimyati, sesuatu akad tidak wujud tanpa *qabd*. Oleh itu, Mahkamah melihat bahawa pelaksanaan *qabd* menjadi kelaziman yang pasti. Menerusi kitab *I'aa nah al-Thalibin*, Abu Bakar ibnu Muhammad Syatta al-Dimyati, juzuk ketiga, terbitan Dar al-Kitab al-Alamiyyah tahun 2002M/1422H bab *Fi Al-Hibah*, halaman 254 menyatakan sebagaimana berikut:

(بقبض) فلا تلزم بالعقد بل بالقبض على الجديد

Bermaksud:

“(Dengan *qabd*) maka tidak berlaku sesuatu akad itu bahkan hendaklah dengan adanya *qabd*, demikian menurut *qawl jadid*.”

- [54] Malahan, Al-Iman Taqiyuddin Abu Bakar bin Mohamad pendapat bahawa hibah tidak menjadi wajib/ lazim kecuali dengan wujudnya *qabd*. Pendapat tersebut dirujuk dalam Kitab *Kifayah al-Akhyar fi Hilly Ghayatil Ikhtisar*, Juz 1, Cetakan Dar Ihyaa al-Kuttub al-Arabiah, Indonesia, halaman 324, yang menjelaskan bahawa:

ولا تلزم إلا بالقبض ، وإذا قبضها الموهوب له لم يكون للواهب أن يرجع فيها إلا أن يكون والدا

Bermaksud:

“Hibah tidak menjadi wajib/lazim kecuali dengan *al-qabd* (pihak penerima memegang harta) itu dan apabila berlaku *al-qabd* (pihak yang menerima memegang harta itu), maka pihak pemberi tidak boleh menarik balik pemberian itu kecuali ianya seorang bapa.”

- [55] Apabila sempurna sesuatu akad hibah dengan memenuhi rukun-rukun dan syarat-syarat serta berlaku penyerahan dan penerimaan barang (*qabd*), maka harta itu menjadi milik penerima hibah sekalipun tanpa balasan (*iwad*).
- [56] Mahkamah merujuk kepada kes ***Kamsiah binti Yusof lwn Latifah binti Yusof dan tiga yang lain***, *JH 27, Bhg. 2, 1430H, 2009, hlm. 242*. Dalam penghakiman kes tersebut, Hakim Bicara menyatakan sebagaimana berikut:

Menurut Mazhab al-Syafie, qabd merupakan syarat luzum, ertinya akad hibah tidak sempurna dan tidak akan berkuatkuasa dengan ijab dan qabul, kecuali selepas qabd. Jika sekiranya qabd tidak berlaku maka akad hibah merupakan akad yang tidak mengikat. Pemberi hibah berhak menarik balik hibah tersebut selama mana harta tersebut berada dalam pemilikannya.

Bagi memastikan akad hibah itu sempurna dan menjadi satu akad yang mengikat, maka qabd tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) *Mendapat kebenaran dan keizinan pemberi hibah secara sarih*
- (ii) *Harta yang dihibah tidak bercampur dengan harta lain.*
- (iii) *Penerima hibah berkeahlian iaitu baligh dan berakal. Bagi kanak-kanak dan orang gila, walinya boleh menerima harta hibah itu.*

Cara penerimaan barang (qabd) adalah berbeza-beza mengikut jenis harta sama ada harta alih, qabd boleh berlaku dengan cara mengosongkan harta itu, menguasainya dan melakukan tasarruf terhadap harta tersebut seperti menyerahkan kunci dan seumpamanya. Manakala harta alih pula, qabd boleh berlaku dengan mengambil harta itu, memindah atau mengasingkan harta tersebut dengan harta-harta yang lain.

- [57] Berdasarkan kepada rujukan kes di atas yang menyatakan bahawa akad hibah tidak sempurna dan tidak akan berkuatkuasa dengan *ijab* dan *qabul*, kecuali selepas *qabd*. Bagi harta tak alih, *qabd* boleh berlaku dengan cara mengosongkan harta itu, menguasainya dan melakukan tasarruf terhadap harta tersebut seperti menyerahkan kunci dan seumpamanya. Dalam kes di hadapan Mahkamah ini, Plaintiff ada mendakwa dalam Hujahan Jawapan Balas Terhadap Penghujahan Defendan 1 pada halaman 8, perenggan pertama dengan mendakwa bahawa, “*Isu ini tiada keraguan sama sekali kerana pada sepanjang masa, hanya Plaintiff yang menguruskan, membuat renovasi, menambah bilik bahkan memasukkan kelengkapan dalam rumah tersebut semasa dan selepas kematian Mek dan Kadir. Hasil tanah juga dibayar oleh Plaintiff.*” Berdasarkan kepada hujahan ini, Plaintiff mendakwa bahawa wujudnya penguasaan dan rentahan terhadap rumah oleh Plaintiff sepenuhnya selepas pemberian dan penerimaan hibah yang didakwa berlaku. Mahkamah juga merujuk kepada keterangan Plaintiff dalam Nota Keterangan pada halaman 10, baris pertama hingga ke-6, Plaintiff ada mendakwa bahawa, “*Daripada terima rumah tersebut, saya sambung satu bilik stor di bahagian belakang dapur, membaiki kabinet dapur, ada buat tambahan kabinet dapur, memasang mozek di bilik pertama dan bilik kedua, membaiki atap rumah, mengecat rumah bahagian dalam dan bahagian depan rumah. Perkara ini dibuat secara berperingkat. Mula buat stor tersebut bermula dari tahun 2008, semasa itu saya sudah bekerja iaitu sebagai jururawat di hospital.*”

[58] Selain itu, Mahkamah juga merujuk kepada Nota Keterangan pada halaman 10, baris ke-26 hingga 28, Plaintiff juga ada mendakwa bahawa, “*Berkaitan peralatan dalam rumah tersebut, yang dibeli sejak tahun 2008 atau sebelum itu, mula dari beli peti, televisyen, tahun beli tidak ingat. Semasa itu, saya masih belajar dan masih belum berkahwin, anggaran pada tahun 2004 atau 2005.*” Berdasarkan kepada keterangan Plaintiff di atas, Plaintiff mendakwa bahawa segala yang dilakukan ke atas rumah tersebut termasuk sambung bahagian rumah, mengecat rumah, membeli perabot rumah adalah satu penguasaan terhadap rumah tersebut setelah berlakunya hibah yang didakwa wujud. Keterangan Plaintiff berkaitan dengan sambung bahagian rumah, mengecat rumah, membeli perabot rumah adalah tidak disertakan sekali dengan keterangan dokumentar iaitu berkaitan dengan resit-resit pembelian, resit upah, transaksi pengeluaran wang dan sebagainya.

[59] Namun, Mahkamah merujuk kepada Hujahan Bertulis Defendan 1 pada perenggan bernombor 8 yang menyatakan sebagaimana berikut:

8. *Bukti penting berkaitan penguasaan atau rentahan Plaintiff terhadap aset yang didakwa semenjak dakwaan pemberian hibah berlaku hingga ke hari kematian Si mati gagal dibuktikan oleh pihak Plaintiff sedangkan ia merupakan syarat penting sahnya hibah.*

Apa yang terbukti semasa hayat kedua-dua Si Mati sehingga mereka meninggal dunia, kedua-dua Si Mati lah yang menguasai sepenuhnya aset yang dipertikai. Bukti ini diakui oleh Plaintiff sendiri kerana semasa soal balas Plaintiff menyatakan bahawa ubah suai rumah (tambah store dan bilik) dikendalikan oleh Si Mati Kadir bin Sulaiman kerana beliau adalah seorang kontraktor bahkan Si Mati juga mengupah tukang dari Thailand. Cukai tanah juga diakui dibayar oleh kedua-dua Si Mati semasa hayat mereka memandangkan Plaintiff berada di Johor Bharu kerana bekerja di sana. Mengikut fakta yang ada jika wujud penguasaan Plaintiff terhadap aset yang dipertikai ianya berlaku selepas kematian Si Mati bukannya sejurus selepas hibah didakwa berlaku.

[60] Selain itu, Mahkamah merujuk kepada kes ***Che Alias bin Che Muda lwn Abdul Talib @ Musa bin Muda, JH 25, Bhg 2, 1429H, 2008M, 199***, iaitu kes di Mahkamah Rayuan Syariah Kuala Terengganu yang telah dipengerusikan oleh Datuk Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman. Panel rayuan memutuskan bahawa rayuan diterima dan keputusan Y.A. Hakim Bicara yang bertarikh 21 Jun 2006 dibatalkan.

[61] Panel Mahkamah Rayuan Syariah Terengganu, pada perenggan bernombor 13 ada berpendapat bahawa:

[13] Berkenaan penambahan rumah yang dilakukan selepas berlakunya lafaz tersebut sebagaimana yang didakwa Responden. Setelah melihat dan meneliti fakta kes berdasarkan rekod rayuan dan hujah kedua pihak, kami berpendapat fakta kes bahawa pindaan rumah terhadap rumah asal hanyalah merupakan bahawa Responden telah membaiki rumah tersebut secara sukarela memandangkan Responden juga telah tinggal di rumah tersebut dan bukannya sebagai qarinah telah berlakunya qabad. ...

- [62] Berdasarkan kepada penghakiman kes *Che Alias bin Che Muda lwn Abdul Talib @ Musa bin Muda* di atas, panel rayuan berpendapat bahawa fakta kes bahawa pindaan rumah terhadap rumah asal hanyalah merupakan bahawa Responden telah membaiki rumah tersebut secara sukarela memandangkan Responden juga telah tinggal di rumah tersebut dan bukannya sebagai qarinah telah berlakunya qabd. Oleh yang demikian, bagi kes di hadapan Mahkamah ini, Mahkamah mendapati bahawa keterangan Plaintiff berkaitan dengan penguasaan terhadap rumah tersebut adalah tidak diterima kerana ianya tidak dianggap sebagai qabd.

Al-Takhliyah

- [63] Seterusnya, Mahkamah akan melihat kepada syarat yang seterusnya iaitu *al-Takhliyah*. Secara ringkasnya, *al-Takhliyah* adalah satu gambaran dan tindakan di mana penghibah melepaskan haknya pada harta yang dihibahkan kepada penerima hibah. Dalam kitab kitab *Raudah al-Talibin*, Edisi Khas 2003, Dar al-Kutub al-‘Alamiah, Beirut Lubnan, juz 4, hlm. 438 yang menyatakan seperti berikut:

فرع: كيفية القبض في العقار والمنقول، كما سبق في البيع. قلت: فلو كان الموهوب مشاعاً، فإن كان غير منقول، فقبضه بالتخلية

Bermaksud:

“Cara qabd dalam hibah harta tak alih dan harta alih adalah sebagaimana cara qabd dalam jual beli. Aku (yakni Imam Nawawi) berpendapat: Jika harta itu dimiliki secara bersama, maka qabd adalah dengan cara al-takhliyah jika harta tersebut adalah harta tak alih”.

- [64] Tambahan pula, Mahkamah juga meneliti maksud *al-Takhliyah* berdasarkan kitab *Al-Fiqh Al-Manhaji*, Jilid 3, halaman 16:

أما غير المنقول: كالدار والأرض قبضه بالتخلية وبين المشتري وتمكينه منه، وإزالة الموانع من تسلّمه، وتسليم مفتاحه إن كان داراً ونحو ذلك

Bermaksud:

“Adapun harta tak alih seperti rumah dan tanah, qabd boleh berlaku dengan cara al-takhliyah antara penjual dengan pembeli. Penjual menjadikan pembeli menguasainya. Penjual menghilangkan halangan-halangan dari penerimaan oleh pembeli. Penjual menyerahkan kunci jika harta tersebut adalah rumah dan seumpamanya”.

- [65] Maksud *al-Takhliyah* ialah pengosongan, peninggalan atau pelepasan. Ia berasal daripada pemberi hibah yang melepaskan penguasaannya kepada penerima hibah. Sekiranya penerima hibah mengusahakan atau ‘merentah’ sesuatu tanah tanpa qabd sama ada secara al takhliyah atau cara yang lain, ia adalah tidak sah kerana ia termasuk mengambil dan menguasai harta yang dihibahkan tanpa izin daripada Pemberi Hibah, sebagaimana yang disebut dalam Kitab *Mughni Muhtaj*, Juz 2 halaman 516:

ولا يملك موهوب إلا بقبض بإذن الواهب

Bermaksud:

“Tidak memiliki harta yang dihibahkan melainkan dengan qabd dengan izin pemberi hibah.”

- [66] Sebagaimana yang dinyatakan di atas, *al-Takhliyah* adalah satu gambaran dan tindakan di mana penghibah melepaskan haknya pada harta yang dihibahkan kepada penerima

hibah. Namun, dalam kes di hadapan Mahkamah ini, Mahkamah dapati bahawa ada keterangan yang menunjukkan bahawa penguasaan Si Mati Mek binti Hasan dan Si Mati Kadir bin Sulaiman masih ada ke atas rumah tersebut walaupun selepas dakwaan hibah wujud. Mahkamah merujuk kepada keterangan Plaintiff dalam Nota Keterangan pada halaman 11, baris ke-4 hingga ke-8, Plaintiff ada mendakwa bahawa, “*Tanah ini adalah satu keping tanah yang luas, bahagian tanah ini dikongsi oleh beberapa nama yang lain. Tapak rumah tersebut terletak atas sebahagian tanah tersebut. Betul, dari segi pembayaran cukai, cukai tanah keseluruhan tersebut saya bayar sejak arwah Kadir bin Sulaiman meninggal dunia sehingga sekarang. Biasanya bayar cukai lebih kurang RM30.00 lebih.*”

- [67] Selain itu, merujuk kepada keterangan Plaintiff ketika disoal balas oleh Peguam Syarie Defendan 1, dalam Nota Keterangan pada halaman 14, baris ke-20 hingga 21, Plaintiff ada mendakwa bahawa, “*Semasa arwah masih hidup, arwahlah yang banyak membayar cukai tanah tersebut.*” Berdasarkan kepada keterangan Plaintiff di atas, Mahkamah mendapati bahawa semasa hayat Si Mati Mek Bin Hasan dan Si Mati Kadir bin Sulaiman, Si Mati masih membayar cukai tanah tersebut. Ini bermaksud, Si Mati masih menguasai harta yang didakwa dihibahkan itu walaupun setelah harta tersebut didakwa dihibahkan.
- [68] Mahkamah juga merujuk kepada kes ***Kamsiah binti Yusof Lwn Latifah binti Yusof Dan Tiga Yang Lain, JH 27, Bhg. 2, 1430h, 2009, hlm. 252***. Kes ini telah diputuskan oleh Y.A. Tuan Mohd Nadzri Bin Hj Abdul Rahman, di Mahkamah Tinggi Syariah Seremban Negeri Sembilan. Y.A. Hakim Bicara memutuskan bahawa permohonan Plaintiff untuk mendapatkan perintah pengisytiharan hibah adalah tidak sabit dan ditolak oleh Hakim Bicara. Antara penghakimannya pada halaman 255 dan 256 adalah sebagaimana berikut:

Dalam kes ini, pernyataan hibah adalah kabur dari sudut Rukun-rukun Hibah. Tidak dibuktikan siapa yang sebenarnya menghibahkan tanah tersebut kepada Plaintiff. Jika arwah ayah yang menghibah atau pemberi hibah, tidak dibuktikan waktu hibah itu dibuat tanah-tanah itu sudah menjadi milik mutlak arwah ayah. Lafaz pertama dibuat antara tahun 1986-1987 dan lafaz kedua dikatakan pada tahun 1995-1996. Tidak dinyatakan pada lafaz pertama itu tanah-tanah itu sudah diberi milikan kepada arwah Yusuf bin Hassan dan lafaz kali kedua pula tidak dibuktikan adanya sighth.

Pada ketika yang lain tanah itu dikatakan dihibahkan pula oleh arwah ibu Rus bt Mat Noor yang tidak dibuktikan lafaz sighthnya selain dari pernyataan arwah ingin memberikan tanah tersebut kepada Plaintiff seperti yang diberitahu kepada SP1. Jika dianalisis pernyataan tersebut, bermakna tanah itu bukan milik arwah Yusuf bin Hassan, tetapi milik arwah Rus bt Mat Noor. Kenyataan Arwah Rus bt Mat Noor ingin memberikan tanah-tanah itu bukanlah suatu hibah,, tetapi sekadar hasrat arwah Rus bt mat Noor untuk memberikannya kepada Plaintiff dan pemberian tersebut masih belum terlaksana.

Manakala keterangan SP2 pula menyatakan pasangan arwah Yusuf bin hassen dan arwah Rus bt mat Noor ada hadir kerumahnya menyatakan hasrat ingin memberikan tanah tersebut kepada Plaintiff. Pernyataan itu bukanlah suatu hibah tetapi suatu pemakluman. Boleh jadi sebagai hadiah, wasiat, atau sedekah kerana selepas memberitahu perkara tersebut kepada SP2, pemilikan

masih lagi belum berubah kepada Plaintiff dan Plaintiff masih belum menunjukkan ia menerima atau menguasai rumah atau tanah-tanah itu. Sedangkan hibah perlu dibuktikan sighthnya terlebih dahulu dan penerimaan adalah berlaku serta merta.

- [69] Berdasarkan kepada kes **Kamsiah binti Yusof Lwn Latifah binti Yusof Dan Tiga Yang Lain** ini, Hakim Bicara menyatakan bahawa pembuktian pemberi hibah yang sebenarnya menghibahkan tanah yang dipertikaikan kepada Plaintiff adalah tidak dibuktikan dan kabur. Oleh itu, Hakim Bicara dalam penghakimannya turut menyatakan bahawa pernyataan itu bukanlah suatu hibah tetapi suatu pemakluman kerana pemilikan masih belum lagi berubah dan penerima hibah (Plaintif) masih belum menunjukkan ia menerima atau menguasai rumah atau tanah-tanah itu. Begitu juga dengan kes di hadapan Mahkamah ini. Malahan pula, lafaz ijab dan qabul yang didakwa wujud tidak dibuktikan dengan baik. Hal ini kerana keterangan saksi-saksi yang dibawa oleh Plaintiff adalah tidak boleh diterima. Perkara berkaitan dengan keterangan saksi-saksi Plaintiff ini akan dijelaskan oleh Mahkamah dalam isu kedua nanti.

Rukun Ketiga: Barang yang dihibahkan (*mauhub*)

- [70] Rukun ketiga ialah barang yang dihibahkan iaitu segala barang yang dimiliki. Mengenai rukun ketiga ini yang berkaitan dengan mauhub, ianya hendaklah menjadi milik pemberi hibah secara sempurna atau tidak bercampur dengan milik orang lain atau tiada perkongsian dengan orang lain serta barang itu merupakan barang yang bermanfaat dan diakui oleh syara'. Dalam kitab *Mughni al-Muhtaj* karangan al-Syaikh Syamsuddin Muhammad bin Muhammad al-Khathib al-Syarbiniy ada menjelaskan tentang syarat milikan sempurna iaitu sebagaimana berikut:

Bermaksud:

“Antara harta yang hendak dihibahkan itu dengan syarat harta itu hendaklah menjadi milikan sempurna penghibah iaitu tidak boleh bercampur milikan itu dengan orang lain dan harta itu merupakan harta yang bermanfaat serta diakui oleh syara'. Dengan demikian, sekiranya harta yang dihibahkan itu tidak wujud, atau harta tersebut masih dalam khayalan atau harta yang dihibahkan itu merupakan benda yang sifat dan zatnya diharamkan oleh syara', maka hibah tersebut adalah tidak sah.”

- [71] Disyaratkan orang yang memberi hibah itu mempunyai milikan yang penuh terhadap harta yang dihibahkannya. Perkara ini telah dinyatakan oleh pengarang al-Syaikh Syamsuddin Muhammad bin Muhammad al-Khathib al-Syarbiniy dalam kitab *al-Iqna'*, Jil 2, hlm. 171 iaitu:

فيشترط في الموهب : الملك ، وإطلاق التصرف في ماله فلا يصح من ولي في مال
محجوره

Bermaksud:

“Maka disyaratkan kepada orang yang memberi hibah itu mestilah memiliki harta tersebut, dan mempunyai pegangan yang mutlak terhadap hartanya, maka tidak sah memberi harta yang hilang.”

- [72] Berkaitan dengan penguasaan ke atas harta oleh penghibah dan penerima hibah ini, telah dijelaskan oleh pengarang al-Syaikh Syamsuddin Muhammad bin Muhammad al-Khathib al-Syarbiniy di dalam Kitab *Iqna'*, Jil. 2, hlm. 171-172, yang menjelaskan bahawa:

ولا تلزم أي لا تملك الهبة الصحيحة غير الضمينة وذات الثوب ، الشاملة للهدية
والصدقة إلا بالقبض فلا تملك بالعقد

Bermaksud:

“Dan tidak dikatakan atau tidak memiliki hibah secara jelas, tanpa ada tanggungan hutang dan hanya zat ganjaran sahaja, seperti hadiah dan sedekah, kecuali dengan pegangan (penguasaan padanya), maka tidak dimiliki hibah itu dengan akad sahaja.”

- [73] Al-Sharbini telah menghujahkan ‘melainkan dengan pegangan’ itu dengan maksud penguasaan atau pegangan ke atas sesuatu barang oleh pemberi atau penerima barang itu. Sekiranya barang itu bukan dalam penguasaan pemberi hibah, maka tidak sah hibah itu. Sebaliknya jika, hibah telah dibuat, tetapi penerima hibah tidak mampu untuk menguasai harta atau barang itu disebabkan oleh halangan tertentu, maka tidak sah juga hibah tersebut.
- [74] Berkaitan kes di hadapan Mahkamah ini, Mahkamah merujuk kepada keterangan Plaintiff, iaitu dalam Nota Keterangan pada halaman 8, baris ke-17, Plaintiff ada mendakwa bahawa, *“Ada empat orang nama atas tanah ini iaitu, Mek Mah @ Asmahani binti Hassan (1/4 bahagian), Norwahida binti Ngah (1/4 bahagian), Reimas binti Hassan (1/4 bahagian), dan Si Mati Mek binti Hasan (1/4 bahagian) yang mana Alias bin Hassan, Norwahida binti Ngah, Anuyai Bin Kadir dilantik sebagai pentadbir bagi 1/4 bahagian bahagian tersebut.”* Hal ini juga Mahkamah rujuk dalam Sijil Carian Rasmi bagi tanah tersebut yang telah ditandakan sebagai P-3. Berdasarkan kepada keterangan Plaintiff, rumah yang dituntut telah dibina di atas tanah yang merupakan milikan ramai, bukannya milikan perseorangan.
- [75] Tambahan pula, merujuk kepada Ikatan Dokumen Plaintiff, yang ditandakan sebagai P-4, Si Mati Kadir adalah merupakan salah seorang ahli waris yang dinyatakan dalam Nota Perbicaraan tersebut yang berhak ke atas ¼ tanah Si Mati Mek. Antara ahli waris lain yang berhak adalah Riemas binti Hasan, Jamilah binti Kadir, Mek Moh @ Asmahani binti Hassan, Anuyai bin Kadir, Sabariah binti Hasan dan Alias bin Hassan. Ahli waris-waris adalah terdiri daripada saudara lelaki dan perempuan sebapa Si Mati Mek serta anak lelaki dan perempuan Si Mati Kadir. Sekiranya dakwaan hibah ini tidak disabitkan, maka waris-waris ini akan menerima bahagian masing-masing daripada ¼ bahagian milik Si Mati Mek. Hal yang ingin Mahkamah nyatakan disini adalah, harta yang dipertikai dalam kes ini adalah melibatkan milikan ramai.
- [76] Oleh itu, dalam hal ini, Mahkamah berpendapat bahawa barang yang didakwa dihibahkan dalam kes ini bukanlah barang atau harta yang dimiliki secara sempurna oleh pemberi hibah kerana menurut hukum syara’ barang yang hendak dihibahkan hendaklah menjadi milik pemberi hibah secara sempurna atau tidak bercampur dengan milik orang lain atau tiada perkongsian dengan orang lain serta barang itu merupakan barang yang bermanfaat dan diakui oleh syara’. Dengan maksud lain, sekiranya barang itu bukan dalam penguasaan pemberi hibah, maka tidak sah hibah itu. Tambahan pula, hibah tidak hanya terjadi semata-mata dengan wujudnya akad. Oleh yang demikian, rukun-rukun hibah seperti pemberi hibah, penerima hibah, ijab dan

qabul serta barang yang dihibahkan serta syarat-syarat lain dalam rukun hibah haruslah dipenuhi bagi membolehkan sesuatu hibah tersebut menjadi sah menurut hukum syara'. Sekiranya sebaliknya berlaku, maka sesuatu hibah yang didakwa tersebut adalah tidak boleh disabitkan sah oleh Mahkamah.

- [77] Mahkamah akan memperincikan dengan lebih dalam berkaitan dengan rumah yang menjadi tuntutan dalam kes ini. Mahkamah merujuk kepada pengarang al-Habib 'Abdur Rahman bin Muhammad bin Husain bin 'Umar al-Masyhur dalam kitab *Bughyah Al-Musyarsyidin*, halaman 159, iaitu:

إختلط مال الزوجين ولم يعلم لأيهما أكثر ولا قرينة تميز أحدهما وحصلت بينهما فرقة أو موت لم يصح لأحدهما ولا وارثه تصرف في شيء منه قبل التمييز أو الصلح إلا مع صاحبه إذ لا مرجح كما قالوا فيما لو اختلط حمامهما وحينئذ فإن أمكن معرفتهما وإلا وقف صاحبه الأمر حتى يصطلى الزوجان أو ورثتهما بلفظ صلح أو تواهب بتساو أو تفاوت إن كانوا كاملين

Bermaksud:

"Telah bercampur harta suami dan isteri dan tidak diketahui harta siapa yang lebih banyak dan tidak ada tanda-tanda yang dapat membezakan harta salah seorang daripadanya, maka tidak sah seorang daripada mereka, dari suami isteri atau warisnya menggunakan sesuatu daripada harta tersebut sebelum dapat dibezakan ataupun sebelum dibuat perdamaian (sulh) kecuali penggunaan tersebut bersama-sama, dengan pemiliknya kerana tidak ada tanda yang membezakan, seperti mereka berkata masalah ini seperti jika bercampur burung merpati kedua suami isteri, pada ketika itu (burung merpati) itu boleh digunakan sekiranya boleh diketahui atau dibezakan, tetapi jika tidak boleh dibezakan, ia hendaklah ditangguhkan sehingga suami isteri atau warisnya berdamai."

- [78] Berdasarkan kepada petikan kitab di atas, hukum syara' ada menerangkan bahawa sekiranya telah bercampur harta suami dan isteri dan tidak diketahui harta siapa yang lebih banyak dan tidak ada tanda-tanda yang dapat membezakan harta salah seorang daripadanya, maka tidak sah seorang daripada mereka, dari suami isteri atau warisnya menggunakan sesuatu daripada harta tersebut sebelum dapat dibezakan ataupun sebelum dibuat perdamaian (sulh) kecuali penggunaan tersebut bersama-sama. Hal ini menjelaskan bahawa, sekiranya sesuatu harta tersebut bercampur antara suami isteri (harta *musya'*), maka suami, isteri atau waris bagi sesuatu harta tersebut tidak boleh menggunakan harta tersebut tanpa membuat apa-apa pembahagian untuk membezakan hak suami dan isteri ataupun dengan erti kata lain ialah membuat pembahagian menerusi tuntutan harta sepencarian. Ini bermaksud, sebelum ingin memberikan harta yang bercampur tersebut kepada waris atau orang lain sebagai hibah dan sebagainya, suami atau isteri tersebut perlu terlebih dahulu mendapatkan perintah Mahkamah berkaitan Harta Sepencarian. Setelah mendapat hak masing-masing, barulah sesuatu harta yang sudah sah menjadi milik mereka dan tidak bercampur antara pasangan atau bekas pasangan mereka boleh dihibahkan kepada waris atau orang yang mereka kehendaki.

- [79] Dalam kes dihadapan Mahkamah ini, status pemilikan mutlak oleh pemberi hibah menjadi pertikaian. Hal ini kerana, menurut Ikatan Dokumen Plaintiff, yang

ditandakan sebagai P-3 (Sijil Carian Rasmi), rumah yang dituntut dan didakwa sebagai hibah dalam kes ini terletak di atas tanah berketerangan GM 3451, No. Lot 741, Tempat Kampung Apal, Mukim Jabi, Daerah Besut, Negeri Terengganu yang merupakan milikan 4 orang iaitu Mek Mah @ Asmahani binti Hassan (1/4 bahagian), Norwahida binti Ngah (1/4 bahagian), Reimas binti Hassan (1/4 bahagian), dan Si Mati Mek binti Hasan (1/4 bahagian) yang mana Alias bin Hassan, Norwahida binti Ngah, Anuyai Bin Kadir dilantik sebagai pentadbir. Berdasarkan kepada Ikatan Dokumen Plaintiff yang ditandakan sebagai P-3 tersebut, Mahkamah mendapati bahawa tanah yang padanya rumah yang didakwa sebagai hibah dalam kes ini adalah milikan bersama bukannya milik tunggal pemberi hibah. Ditambah lagi dengan status rumah yang dipertikai dalam kes ini. Mahkamah merujuk kepada keterangan Plaintiff dalam Nota Keterangan pada halaman 8, baris ke-3 hingga ke-11, Plaintiff ada mendakwa bahawa, *“Saya tinggal di rumah tersebut sejak rumah tersebut siap dibina sehinggalah sekarang iaitu ketika saya berumur 15 tahun. Rumah tersebut dibina oleh Kadir bin Sulaiman dan Mek Binti Hasan. Mereka adalah bapa dan ibu saudara saya yang menjaga saya semenjak saya berumur 2 minggu sehinggalah mereka meninggal dunia. Mek binti Hasan meninggal pada 9/10/2011. Manakala Kadir bin Sulaiman meninggal pada 14/5/2014.”* Plaintiff dalam keterangannya ada mendakwa bahawa rumah yang dipertikaikan dalam kes ini telah dibina oleh Si Mati Kadir bin Sulaiman dan Si Mati Mek binti Hasan.

- [80] Mahkamah juga merujuk kepada keterangan Defendan 1 dalam kes ini. Merujuk kepada Nota Keterangan pada halaman 34, baris ke-14 hingga ke-19, Defendan 1 ada mendakwa bahawa, *“Ketika Si Mati Kadir bin Sulaiman dan Si Mati Mek binti Hasan berkahwin pada tahun 1970, rumah tersebut masih belum wujud. Ketika itu saya berumur 8 tahun dan saya boleh ingat sama ada rumah tersebut sudah wujud atau tidak. Saya tidak setuju dengan tuntutan Plaintiff. Sebab yang pertama, rumah tersebut adalah rumah Si Mati Kadir bin Sulaiman yang dibina pada tahun 1999 dan siap pada tahun 2002. Rumah tersebut dibina di atas tanah Si Mati Mek Binti Hasan. Sebelum itu, mereka duduk di rumah lama, rumah kayu.”* Berdasarkan kepada keterangan Defendan 1, Defendan 1 mendakwa bahawa rumah yang dipertikai dibina dalam tempoh perkahwinan antara Si Mati Kadir dan Si Mati Mek Rumah tersebut dibina di atas rumah kayu lama dan di atas tanah sebagaimana dokumen yang ditandakan sebagai P-3.
- [81] Mahkamah pula merujuk kepada Nota Keterangan pada halaman 37, baris pertama hingga ke-25, ketika disoal balas oleh Peguam Syarie Plaintiff, Defendan 1 ada mendakwa bahawa, *“Selepas berkahwin dengan Mek Binti Hasan, Kadir bin Sulaiman membina rumah kayu di atas tanah milik Hasan iaitu ayah kandung kepada Mek Binti Hasan. Rumah tersebut masih belum ada dan mereka bina dari rumah bapa mentua Kadir iaitu Hasan. Mereka telah membina sebuah rumah kayu di atas rumah Hasan. Selepas itu, sebuah rumah batu dibina oleh kontraktor dan Kadir yang keluarkan duit kerana Mek binti Hasan hanya seorang suri rumah dan tidak bekerja. Kadir ada beritahu bahawa dia yang keluarkan duit untuk pembinaan rumah tersebut dengan mengatakan bahawa rumah tersebut hasil titik peluh dia dan susah payah dia dengan Mek Bin Hasan.”* Berdasarkan kepada keterangan Defendan 1, Defendan 1 mendakwa bahawa rumah yang dipertikaikan ini dibina di atas rumah kayu lama dan tanah yang asalnya milik Hasan iaitu bapa kandung Mek Bin Hasan. Tanah tersebut adalah merujuk kepada tanah berketerangan GM3451, No. Lot 741 Tempat Kampung Apal, Mukim Jabi, Daerah Besut, Negeri Terengganu. Keterangan Defendan 1 ini adalah tidak dipertikai oleh Peguam Syarie Plaintiff.

- [82] Berdasarkan keterangan Defendan 1, Defendan 1 mendakwa bahawa, Si Mati Kadir dan Si Mati Mek telah berkahwin pada sekitar tahun 1970 dan rumah yang dipertikai telah dibina pada tahun 1999 dan telah siap pada tahun 2002. Tambahan pula, keterangan Defendan 1 di atas yang dirujuk yang mana tidak dipertikaikan oleh Peguam Syarie Plaintiff, Mahkamah dapati bahawa rumah yang dipertikaikan dalam kes Pengesahan Hibah di hadapan Mahkamah ini dibina di atas tanah milik Hassan iaitu ayah kandung kepada Si Mati Mek. Pada asalnya, Si Mati Mek dan Si Mati Kadir tinggal di Jalan Masjid dan telah berpindah ke tanah yang dimiliki oleh Hassan tersebut yang merujuk kepada tanah berketerangan GM3451, No. Lot 741 Tempat Kampung Apal, Mukim Jabi, Daerah Besut, Negeri Terengganu. Defendan mendakwa bahawa semasa Si Mati Kadir baru berpindah ke sana, rumah tersebut masih belum ada dan Si Mati Kadir membina rumah kayu pada rumah Hassan yang lama. Selepas itu, mereka telah membina rumah batu di atas tanah dan tapak yang sama. Berdasarkan kepada keterangan Defendan 1 juga, Defendan 1 mendakwa bahawa rumah yang dipertikaikan ini dibina di atas rumah kayu lama dan tanah yang asalnya milik Hasan iaitu bapa kandung Mek binti Hasan hasil titik peluh dan susah payah Si Mati Kadir dan Si Mati Mek.
- [83] Seterusnya, Mahkamah merujuk kepada kes *Mohd Anuar Bin Omar lwn Norafidah Binti Ibrahim, JH 41, Bhg. 2, 1436H, 2015, hlm. 200*. Kes ini merupakan kes Rayuan Syariah yang dipengerusikan oleh Y.A.A Tan Sri Dr. Ibrahim Lembut di Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Selangor, Shah Alam. Dalam kes ini, Perayu dan Responden adalah suami isteri yang berkahwin pada 1 Ogos 1977, dan bercerai talaq tiga pada 10 Julai 2001. Sepanjang tempoh perkahwinan, pasangan suami isteri dikurniakan seramai lima orang anak.
- [84] Selepas bercerai, Responden (Plaintif) yang merupakan bekas isteri telah menuntut beberapa hartanah dan kenderaan daripada Perayu (Defendan) sebagai harta sepencarian. Selepas beberapa prosiding bicara, Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam telah mengeluarkan perintah yang antaranya berhubung dengan sebuah rumah di alamat Lot 230, Jalan Gemilang, 3/6 Saujana Impian, 43000 Kajang, Selangor ('Aset Tersebut') adalah sebagai Harta Sepencarian dan Responden (Plaintif) terhak kepada 1/3 bahagian ke atas Aset Tersebut.
- [85] Perayu (Defendan) iaitu bekas suami yang tidak berpuashati dengan keputusan Yang Arif Hakim Bicara telah merayu kepada Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Selangor di Shah Alam. Di hadapan panel rayuan, Perayu menyatakan bahawa tuntutan ke Atas Tersebut adalah tidak munasabah kerana Aset Tersebut telah dihibahkan oleh Perayu kepada anaknya bernama Ahmad Firdaus atas dasar kasih sayang dan pada masa yang sama penukaran hak milik telah pun dibuat pada tahun 2004. Oleh yang demikian, Perayu mengatakan bahawa Aset Tersebut bukanlah hak milik Perayu tetapi hakmilik anak tersebut.
- [86] Pihak Responden pula dalam hujahnya menyatakan bahawa penukaran hakmilik oleh Perayu kepada anaknya pada 22 Mei 2003, iaitu sewaktu prosiding kes tuntutan harta sepencarian di Mahkamah Tinggi Syariah sedang berjalan dan selepas perceraian pihak-pihak Perayu juga tahu bahawa hartanah tersebut telah dikaveat. Responden menganggap penukaran hakmilik itu adalah bertujuan supaya ia tidak dikira sebagai hakmilik Perayu. Panel Rayuan berpendapat pihak Perayu tidak berkelayakan untuk menghibahkan semua harta tersebut kepada anaknya kerana menghibahkan sesuatu harta yang dimiliki secara bersama (مشاع). Mahkamah merujuk kepada penghakiman

kes **Mohd Anuar bin Omar lwn Norafidah binti Ibrahim** ini pada perenggan bernombor 27 hingga 29 yang menyatakan sebagaimana berikut:

[27] *Kami berpendapat pihak Perayu tidak berkelayakan untuk menghibahkan semua rumah tersebut kepada anaknya kerana menghibahkan semua harta tersebut kepada anaknya kerana menghibahkan sesuatu harta yang dimiliki secara bersama (مشاع).*

[28] *Prinsip yang disebut oleh fuqaha ini adalah berkenaan dengan harta musha' tetapi menurut Prof Tan Sri Ahmad Ibrahim (Allahyarham) dalam bukunya Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia, [1999] MLJ Sdn. Bhd. m.s. 227, ia juga boleh dipakai dalam kes harta sepencarian. Kenyataan beliau adalah seperti berikut:*

Ulama-ulama yang disebut di atas itu mungkin menumpukan perhatian mereka musha' di mana harta suami isteri bercampur. Akan tetapi prinsip-prinsip yang disebut itu boleh juga diperluaskan kepada kes harta sepencarian.

[29] *Oleh itu, berdasarkan prinsip harta musha' tersebut, Perayu sebenarnya tidak boleh menghibahkan rumah tersebut kepada anaknya kerana di dalam harta tersebut, ada bahagian pihak Responden sebagai harta sepencarian. Sehubungan dengan itu juga hujah pihak Perayu bahawa hibah tersebut sah. Sebenarnya berlawanan dengan prinsip harta musha' yang mana penggunaannya pun dihalang sehingga ditentukan hak masing-masing.*

[87] Berdasarkan kepada rujukan kes **Mohd Anuar bin Omar lwn Norafidah binti Ibrahim** ini, Mahkamah mendapati bahawa Panel Rayuan telah memutuskan bahawa berdasarkan prinsip harta *musha'*, Perayu sebenarnya tidak boleh menghibahkan rumah tersebut kepada anaknya kerana di dalam harta tersebut ada bahagian Responden sebagai harta sepencarian.

[88] Secara kesimpulannya, bagi isu pertama dalam kes ini, Mahkamah berpendapat bahawa terdapat rukun-rukun dan syarat hibah yang tidak dipenuhi oleh Plainif dalam kes Tuntutan Pengesahan Hibah ini.

Isu Kedua: Sama ada keterangan saksi-saksi Plaintiff boleh diterima sebagai keterangan saksi atau tidak?

[89] Seterusnya, Mahkamah akan menjelaskan berkaitan isu kedua iaitu sama ada keterangan saksi-saksi Plaintiff boleh diterima sebagai keterangan saksi atau tidak. Peguam Syarie Defendan 1 dalam Hujahan Bertulis Defendan 1 ada membangkitkan isu bahawa keterangan saksi-saksi Plaintiff perlu ditolak kerana tidak menepati peruntukan undang-undang. Mahkamah merujuk kepada Hujahan Bertulis Defendan 1 pada perenggan bernombor 4 yang mendakwa sebagaimana berikut:

4. *Tuntutan Plaintiff tidak disokong oleh persaksian yang terang mengikut hukum syarak dan undang-undang.*

Individu-individu yang dikatakan sebagai Saksi Pertama Plaintiff, Alias Bin Hasan, dikatakan Saksi Kedua Plaintiff, Jamilah Binti Kadir dan dikatakan

sebagai Saksi Ketiga Plaintiff, Sabariah Binti Hasan bukanlah boleh diterima sebagai saksi mengikut peruntukan undang-undang kerana mereka adalah pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam kes ini selaku Defendan No. 6, No. 2 dan No. 5.

Mengikut peruntukan Seksyen 3 (Tafsiran) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) Tahun 2001 ada menyebut: “Saksi” tidak termasuk Plaintiff, Defendan dan orang tertuduh.

- [90] Namun begitu, Plaintiff dalam Hujahan Jawapan Balas Terhadap Penghujahan Defendan 1 ada membangkitkan isu sama ada Defendan layak diterima sebagai saksi atau tidak. Dalam hujahan tersebut pada halaman 3, baris ke-9 hingga ke-19 yang mendakwa sebagaimana berikut:

Pemahaman yang cuba dibawa oleh Hujahan Defendan Pertama kononnya Defendan 2, 3, 4, 5 dan 6 tidak layak menjadi saksi bagi kes ini adalah kesilapan pemahaman dan penafsiran oleh Defendan Pertama.

Dalam Tafsiran Seksyen 3, menjelaskan maksud “saksi” sahaja. Iaitu saksi bererti saksi, Plaintiff adalah pemohon dan pihak yang mengemukakan saman, manakala Defendan adalah pihak yang dipohon darinya dan disaman. Ini bukanlah bererti Defendan yang dinamakan dalam kes ini tergugur dan hilang kelayakan menjadi saksi bagi kes ini.

Kalau dikira dengan pemahaman dan penafsiran Defendan Pertama, maka Pihak Defendan Pertama sudah pasti tidak layak menjadi saksi kepada kes ini kerana dia adalah Defendan.

- [91] Oleh itu, Mahkamah merujuk kepada Seksyen 3, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 yang menyatakan sebagaimana berikut:

Seksyen 3. Tafsiran

“Saksi” tidak termasuk Plaintiff, Defendan dan orang tertuduh.

- [92] Dalam kes di hadapan Mahkamah ini, Mahkamah mendapati bahawa saksi-saksi Plaintiff adalah merupakan pihak-pihak Defendan. Berasaskan kepada rujukan Seksyen 3, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 berkenaan dengan tafsiran saksi, secara jelasnya menyatakan bahawa saksi adalah tidak termasuk atau bukan dalam kalangan pihak Plaintiff, Defendan mahupun orang tertuduh. Mahkamah juga berpendapat bahawa pemahaman Plaintiff sebagaimana dalam Hujahan Jawapan Balas Terhadap Penghujahan Defendan 1 adalah berbeza dengan maksud sebenar bagi tafsiran “saksi” dalam peruntukan tersebut. Oleh itu, Mahkamah berpendapat bahawa saksi-saksi Plaintiff yang dibawakan di hadapan Mahkamah adalah tidak boleh diterima sebagai saksi dalam kes ini. Hal ini kerana, Saksi Plaintiff Pertama (SP1), Saksi Plaintiff Kedua (SP2) dan Saksi Plaintiff Ketiga (SP3) adalah Defendan-defendan dalam kes ini iaitu Alias Bin Hasan (Defendan 6), Jamilah Binti Kadir (Defendan 2) dan Sabariah Binti Hasan (Defendan 3). Sepatutnya, Alias Bin Hasan, Jamilah Binti Kadir dan Sabariah Binti Hasan memberi keterangan sebagai Defendan-defendan dalam kes ini. Sekiranya terdapat iqrar oleh pihak mereka, maka Mahkamah akan menerima keterangan-keterangan mereka dalam memutuskan kes Pengesahan Hibah ini. Oleh yang demikian, keterangan yang diberikan oleh saksi-

saksi Plaintiff adalah tidak boleh diterima sebagai pembuktian dalam kes ini dan Mahkamah bersetuju dengan pandangan Peguam Syarie Defendan 1 di dalam Hujahan Bertulis Defendan 1 tentang perkara ini.

- [93] Dalam menjelaskan isu kedua ini, Mahkamah merujuk kepada kes *Zanani binti Mohd Noor lwn. Awang bin Merah & Satu Yang Lain, JH 26, Bhg. 2, 2008, hlm. 241*. Kes ini merupakan kes rayuan terhadap keputusan Mahkamah Kadi Khas Tanah Merah yang tidak mensabitkan pengesahan hibah bagi Tanah Lot PT 3374 dan Lot 1805 Mukim Jeli yang didakwa dibuat oleh arwah Che Limah kepadanya. Dalam kes ini, Perayu merupakan anak saudara dan juga anak angkat kepada arwah Che Limah Binti Awang Mat. Perayu mendakwa bahawa ketika hidup, arwah Che Limah telah mendapat pemilikan tanah tergendala yang diterokai oleh suaminya pada tahun 1957. Perayu mendakwa bahawa ketika hibah dibuat oleh arwah Che Limah kepadanya, Perayu masih belum cukup umur untuk dinamakan sebagai penama di dalam geran tanah. Oleh yang demikian, Perayu mendakwa bahawa arwah Che Limah telah membuat surat perlantikan sebagai pemegang amanah di Pejabat Jajahan Tanah Merah ke atas tanah-tanah tersebut pada tahun 1974.
- [94] Walau bagaimanapun, ketika perbicaraan di Mahkamah Kadi Khas Tanah Merah, surat pemegang amanah tersebut gagal dilampirkan sebagai bukti atas sebab teknikal. Hakim bicara menolak keterangan dua (2) orang saksi yang dikemukakan kerana keterangan yang dikemukakan disifatkan oleh Hakim Bicara sebagai sesuatu yang tidak meyakinkan. Walau bagaimanapun, rayuan Perayu telah diterima oleh Mahkamah Rayuan berdasarkan keterangan dokumen iaitu surat pemegang amanah yang dikemukakan pada peringkat rayuan. Oleh itu, meskipun tanpa mengambil kira keterangan saksi, Panel rayuan mensabitkan pengesahan hibah tersebut antaranya berdasarkan keterangan dokumentar yang telah dilampirkan oleh Perayu.
- [95] Begitu juga dengan kes ini, walaupun keterangan saksi tidak diterima oleh Mahkamah oleh kerana tidak menepati peruntukan undang-undang, Mahkamah berpendapat bahawa keterangan dokumen berkaitan dengan bukti yang berkaitan dengan kes ini adalah amat penting. Namun, Plaintiff dalam kes ini tidak melampirkan mana-mana keterangan dokumentar yang kuat untuk mengesahkan dakwaan hibah Plaintiff.
- [96] Sebagaimana yang dinyatakan pada awal penghakiman ini, Defendan 1 dalam Pernyataan Pembelaan dan Tuntutan balasnya ada menuntut bayaran sewa bagi rumah yang dipertikai. Mahkamah berpendapat bahawa tuntutan balas Defendan 1 ini adalah tidak jelas kerana isu dakwaan hibah rumah dipertikai dalam kes ini masih belum selesai. Oleh itu, Mahkamah mendapati bahawa tuntutan balas Defendan 1 adalah tidak diterima.

KEPUTUSAN

Setelah Mahkamah meneliti keterangan Plaintiff, Defendan yang telah dikemukakan kepada Mahkamah, ikatan dokumen Plaintiff dan Defendan serta Hujah Bertulis Plaintiff dan Defendan, maka Mahkamah membuat keputusan sebagaimana berikut:

- (1) **SAYA TIDAK SABIT** Tuntutan Pengesahan Hibah Plaintiff, **NORWAHIDA BINTI NGAH** bagi tanah berketerangan GM 3451, No. Lot 741, Tempat Kampung Apal, Mukim Jabi, Daerah Besut, Negeri Terengganu dan sebuah rumah di atasnya.

- (2) **SAYA PERINTAH** kos ditanggung oleh pihak masing-masing.

ULASAN KES
NORWAHIDA NGAH
LWN
ANUYAI KADIR DAN LIMA YANG LAIN

Oleh:

Abdul Majid Tahir bin Mohamed
Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu
Alamat E-mail:
amtmajid@unisza.edu.my

Pendahuluan

Kes ini berkaitan dengan satu tuntutan pengesahan hibah yang dikemukakan oleh Plaintiff, yang merupakan anak angkat kepada pemberi hibah, si mati dalam kes ini. Kes ini telah didengar dan diputuskan oleh YA Tuan Haji Mohd Nazri bin Yusof, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu, Terengganu, pada 22 Rabiulawal 1442H bersamaan 8 November 2020.

Fakta Kes

Pada 7 November 2017, Plaintiff telah memfailkan tuntutan terhadap enam orang Defendan. Plaintiff dalam kes ini merupakan anak angkat kepada Si Mati Mek Binti Hassan dan Si Mati Kadir bin Sulaiman. Defendan 1 dan Defendan 2 merupakan anak kandung kepada Si Mati Kadir dan adalah ahli waris yang berhak ke atas harta pusaka Si Mati Kadir. Manakala Defendan 3 hingga Defendan 6 pula adalah merupakan adik beradik dan ahli waris kepada Si Mati Mek Binti Hassan. Si Mati Mek Binti Hassan telah meninggal dunia pada 9 Oktober 2011, manakala Si Mati Kadir bin Sulaiman meninggal dunia pada 14 Mei 2014.

Ringkasnya Plaintiff memohon Mahkamah Tinggi Syariah: (1) mensabitkan tuntutan pemberian hibah Si Mati- Si Mati kepada Plaintiff iaitu sebidang tanah berketerangan GM 3451, No. Lot 741, Tempat Kampung Apal, Mukim Jabi, Daerah Besut, Negeri Terengganu dan sebuah rumah di atasnya; (2) mengeluarkan perintah terhadap Pentadbir Tanah Besut, Terengganu untuk memindah milik lot tanah tersebut ke atas nama Plaintiff; dan (3) mengeluarkan apa-apa relief lain yang difikirkan perlu oleh Mahkamah.

Hujahan Pihak Plaintiff

Plaintiff, dalam tuntutan pengesahan hibah tersebut, mendakwa kedua-dua Si Mati, semasa hayat mereka, telah menghibahkan kepada Plaintiff satu buah rumah berserta tapak tanah tersebut yang merupakan milik kepada penama Kadir bin Sulaiman, No. KP: 370529-11-5173 sebagai pemberian kasih sayang antara ibu bapa angkat kepada anak angkatnya.” Di dalam kes ini juga, saksi-saksi pertama, kedua dan ketiga untuk Plaintiff didakwa oleh Defendan 1 tidak layak untuk menjadi saksi bagi pihak Plaintiff kerana ketiga-tiga mereka juga adalah Defendan-defendan dalam kes ini.

Hujahan Pihak Defendan 1

Dalam kes ini, kesemua Defendan, kecuali Defendan 1, bersetuju dengan tuntutan pengesahan hibah yang difailkan oleh Plaintiff. Manakala Defendan 1 tidak bersetuju dengan dakwaan hibah oleh Plaintiff kerana tanah di mana terletaknya rumah tersebut adalah hakmilik ramai penama, yang mana Si Mati Mek binti Hassan hanya memiliki $\frac{1}{4}$ bahagian sahaja. Malah bahagian mana Si Mati Mek binti Hassan berhak terhadap tanah itu juga masih tidak diketahui tapaknya dengan jelas. Defendan 1 dalam tuntutan balasnya, ada juga menuntut Plaintiff membayar sewa hartanah tersebut dalam tempoh bermula tarikh Si Mati Mek binti Hassan meninggal dunia sehingga perbicaraan bagi kes ini diputuskan.

Berkenaan dengan saksi-saksi yang dikemukakan oleh Plaintiff, Defendan 1 mendakwa Saksi Plaintiff 1, 2 dan 3 tidak layak menjadi saksi untuk Plaintiff berdasarkan peruntukan Seksyen 3 (Tafsiran) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) Tahun 2001 yang berkuat kuasa kerana ketiga-tiga mereka adalah Defendan 2, 3 dan 6 dalam kes yang sama.

Isu

Di dalam kes ini, terdapat dua isu utama yang perlu diputuskan oleh Mahkamah:

- (1) sama ada hibah seperti mana yang didakwa oleh Plaintiff memenuhi semua rukun dan syarat hibah yang digariskan oleh syara' atau tidak; dan sama ada wujud atau tidak *Qabd* bagi harta yang didakwa dihibahkan; dan
- (2) sama ada keterangan saksi-saksi Plaintiff boleh diterima sebagai keterangan saksi atau tidak.

Penghakiman

Isu Pertama:

Mahkamah Tinggi Syariah menyatakan bahawa sebarang tuntutan hibah mesti memenuhi rukun hibah yang terbahagi kepada tiga rukun sebagaimana berikut: Rukun Pertama: pihak-pihak yang melakukan aqad hibah, iaitu pemberi hibah (*waahib*) dan penerima hibah (*mawhub lahu*). Rukun Kedua: Lafaz ijab dan qabul (*Sighah*). Rukun Ketiga: Barang yang dihibahkan (*mawhub*).

Untuk rukun pertama, pemberi hibah (*waahib*) disyaratkan mestilah seorang pemilik yang sah ke atas barang atau harta yang akan dihibahkan. Mahkamah mendapati bahawa tanah yang mana di atasnya sebuah rumah yang didakwa dihibahkan kepada Plaintiff adalah merupakan tanah milikan ramai penama dan bukannya milikan tunggal Si Mati Mek Binti Hasan. Oleh yang demikian, Mahkamah berpendapat bahawa rukun pertama bagi pemberi hibah dalam kes ini adalah tidak dipenuhi.

Manakala penerima hibah (*mawhub lahu*) pula disyaratkan seorang dewasa dan mempunyai keahlian atau keupayaan dalam memiliki menguruskan harta yang dihibahkan kepadanya. Mahkamah mendapati bahawa Plaintiff adalah orang yang berkemampuan untuk menerima harta atau barang yang dihibahkan kerana ketika hibah tersebut didakwa dilafazkan kepadanya, Plaintiff berada pada Tingkatan 5. Oleh itu, Mahkamah berpendapat syarat bagi rukun penerima hibah ini dipenuhi kerana Plaintiff dianggap sebagai seorang yang berkemampuan untuk menerima apa-apa harta atau barang yang dihibahkan.

Untuk rukun kedua iaitu *ijab* dan *qabul*, Mahkamah merujuk kepada kitab *Mughni Muhtaj*²⁸, yang menyatakan “Dan penawaran (*ijab*) dan penerimaan (*qabul*) adalah secara lafaz daripada percakapan berserta bersambung antara *ijab* dan *qabul* mengikut kebiasaan sebagaimana dalam jual beli...”. Plaintiff ada mendakwa bahawa, Si Mati Mek binti Hasan ada melafazkan *ijab* hibah iaitu, “*mung dok payoh risau, rumah ni dah jadi milik mung.*”²⁹ Manakala, Plaintiff mendakwa ada melafazkan *qabul* hibah iaitu, “*yelah ma.*”³⁰ Walau bagaimanapun, Mahkamah beranggapan bahawa keterangan Plaintiff berkaitan dengan lafaz *ijab qabul* daripada penerima dan pemberi hibah agak kabur dan tidak jelas. Mahkamah menegaskan bahawa sesuatu hibah itu tidak menjadi sah hanya dengan wujudnya *ijab* dan *qabul* semata-mata. Kerana, masih ada rukun-rukun dan syarat-syarat lain yang harus dipenuhi oleh Plaintiff bagi membolehkan Mahkamah mensabitkan Tuntutan Pengesahan Hibah ini.

Seterusnya, Mahkamah melihat syarat dalam rukun kedua hibah iaitu *qabd* (penerimaan / penguasaan harta hibah oleh penerima hibah) iaitu sama ada wujud atau tidak *qabd* di pihak Plaintiff ke atas harta yang didakwa dihibahkan. Mahkamah merujuk kepada kes *Kamsiah Binti Yusof lwn Latifah Binti Yusof dan tiga yang lain*.³¹ Dalam penghakiman kes tersebut, Hakim Bicara menyatakan sebagaimana berikut:

Menurut Mazhab al-Syafie, qabd merupakan syarat luzum, ertinya akad hibah tidak sempurna dan tidak akan berkuatkuasa dengan ijab dan qabul, kecuali selepas qabd. Jika sekiranya qabd tidak berlaku maka akad hibah merupakan akad yang tidak mengikat. Pemberi hibah berhak menarik balik hibah tersebut selama mana harta tersebut berada dalam pemilikannya.

Bagi memastikan akad hibah itu sempurna dan menjadi satu akad yang mengikat, maka qabd tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) *Mendapat kebenaran dan keizinan pemberi hibah secara sarih*
- (ii) *Harta yang dihibah tidak bercampur dengan harta lain.*
- (iii) *Penerima hibah berkeahlian iaitu baligh dan berakal. Bagi kanak-kanak dan orang gila, walinya boleh menerima harta hibah itu.*

Cara penerimaan barang (qabd) adalah berbeza-beza mengikut jenis harta. Jika harta tak alih, qabd boleh berlaku dengan cara mengosongkan harta itu, menguasainya dan melakukan tasarruf terhadap harta tersebut seperti menyerahkan kunci dan seumpamanya. Manakala harta alih pula, qabd boleh berlaku dengan mengambil harta itu, memindah atau mengasingkan harta tersebut dengan harta-harta yang lain.

²⁸ As-Sheikh Muhammad Al-Khatib As-Syarbini, *Mughni Muhtaj*, Juzuk kedua, Dar Al Makrifah, Beirut, cetakan pertama tahun 1997M/ 1418H, halaman 512.

²⁹ Maksudnya “Kamu tak perlu risau, rumah ini dah menjadi milikmu.”

³⁰ Maksudnya “Ya lah ibu.”

³¹ JH 27, Bhg. 2, 1430H, 2009, hlm. 242

Bagi harta tak alih, *qabd* boleh berlaku dengan cara mengosongkan harta itu, menguasainya dan melakukan *tasarruf* terhadap harta tersebut seperti menyerahkan kunci dan seumpamanya.

Plaintif mendakwa bahawa segala apa yang dilakukan ke atas rumah tersebut termasuk menyambung bahagian rumah, mengecat rumah, dan membeli perabot rumah adalah satu penguasaan terhadap rumah tersebut setelah berlakunya hibah yang didakwa wujud. Tetapi keterangan Plaintif berkaitan dengan sambung bahagian rumah, mengecat rumah, membeli perabot rumah tidak disertakan sekali dengan keterangan dokumen iaitu berkaitan dengan resit-resit pembelian, resit upah, transaksi pengeluaran wang dan sebagainya. Oleh itu, Mahkamah mendapati bahawa keterangan Plaintif berkaitan dengan penguasaan terhadap rumah tersebut adalah tidak diterima kerana ianya tidak dianggap sebagai *qabd*.

Seterusnya, Mahkamah akan melihat kepada syarat yang seterusnya iaitu *al-Takhliyah* yang bermaksud pengosongan, peninggalan atau pelepasan. Secara ringkasnya, *al-Takhliyah* adalah satu gambaran dan tindakan di mana pemberi hibah melepaskan haknya pada harta yang dihibahkan kepada penerima hibah. Dalam hal ini, Mahkamah dapati bahawa ada keterangan yang menunjukkan bahawa penguasaan Si Mati Mek binti Hasan dan Si Mati Kadir bin Sulaiman masih ada ke atas rumah tersebut walaupun selepas dakwaan hibah wujud. Ini berdasarkan kepada keterangan Plaintif di atas, Mahkamah mendapati bahawa semasa hayat Si Mati Mek Bin Hasan dan Si Mati Kadir bin Sulaiman, Si Mati masih membayar cukai tanah tersebut. Ini bermaksud, Si Mati masih menguasai harta yang didakwa dihibahkan itu walaupun setelah harta tersebut didakwa dihibahkan.

Rukun ketiga ialah barang yang dihibahkan iaitu segala barang yang dimiliki. Mengenai rukun ketiga ini yang berkaitan dengan *mauhub*, ianya hendaklah menjadi milik pemberi hibah secara sempurna atau tidak bercampur dengan milik orang lain atau tiada perkongsian dengan orang lain serta barang itu merupakan barang yang bermanfaat dan diakui oleh syara'. Mahkamah berpendapat bahawa harta yang didakwa dihibahkan dalam kes ini bukanlah harta yang dimiliki secara sempurna. Mahkamah mendapati bahawa tanah yang padanya rumah yang didakwa sebagai hibah dalam kes ini adalah milikan bersama beberapa penama lain dan bukannya milikan tunggal pemberi hibah.

Secara kesimpulannya, bagi isu pertama dalam kes ini, Mahkamah berpendapat bahawa Tuntutan Pengesahan Hibah ini tidak sabit kerana terdapat rukun-rukun dan syarat-syarat hibah yang tidak dibuktikan oleh Plaintif dalam kes ini.

Isu Kedua:

Saksi Plaintif Pertama (SP1), Saksi Plaintif Kedua (SP2) dan Saksi Plaintif Ketiga (SP3) adalah Defendan-defendan dalam kes ini, iaitu Alias Bin Hasan (Defendan 6), Jamilah Binti Kadir (Defendan 2) dan Sabariah Binti Hasan (Defendan 3). Defendan 1 berhujah bahawa ketiga-tiga mereka tidak boleh menjadi saksi dalam kes ini berdasarkan peruntukan Seksyen 3 (Tafsiran) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) Tahun 2001. Seksyen ini menyebut: “Saksi” tidak termasuk Plaintif, Defendan dan orang tertuduh.”

Mahkamah mendapati bahawa saksi-saksi Plaintif adalah merupakan pihak-pihak Defendan dalam kes ini. Berasaskan kepada rujukan kepada Seksyen 3, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 berkenaan dengan tafsiran saksi, secara jelasnya dinyatakan bahawa saksi adalah tidak termasuk atau bukan dalam kalangan pihak Plaintif, Defendan mahupun orang tertuduh.

Oleh itu, Mahkamah berpendapat bahawa saksi-saksi Plaintiff yang dibawakan di hadapan Mahkamah adalah tidak boleh diterima sebagai saksi dalam kes ini.

Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas, Yang Arif Hakim tidak sabit Tuntutan Pengesahan Hibah oleh Plaintiff bagi tanah berketerangan GM 3451, No. Lot 741, Tempat Kampung Apal, Mukim Jabi, Daerah Besut, Negeri Terengganu dan sebuah rumah di atasnya, dan mengarahkan kos ditanggung oleh pihak masing-masing.

Ulasan

Dalam menentukan kesahan hibah sebagaimana yang dituntut oleh Plaintiff, Hakim bicara telah merujuk kepada rukun dan syarat sah hibah dalam Islam. Rujukan telah dibuat kepada sumber-sumber yang berautoriti yang menyeluruh, meliputi pendapat mazhab as-Shafie, para ulama terdahulu dan kontemporari, dan kes-kes terdahulu yang berkaitan dengan hibah.

Rujukan yang dibuat oleh Mahkamah Syariah terhadap kes-kes terdahulu juga menunjukkan Mahkamah Syariah juga tidak menolak bahkan mengguna-pakai prinsip duluan mengikat (*binding precedence*). Sebenarnya prinsip ini tidak bercanggah dengan perundangan Islam, bahkan pemakaiannya boleh disandarkan kepada prinsip *Qiyas* yang menjadi salah satu sumber hukum *ijtihad* dalam Islam.

Amatlah penting bagi setiap Plaintiff yang membuat tuntutan pengesahan hibah memastikan hibah yang didakwanya mesti memenuhi semua rukun dan syarat sah hibah dengan jelas. Kegagalan mematuhi sebarang rukun atau syarat akan menyebabkan tuntutan yang dikemukakan ditolak oleh Mahkamah Syariah.

Implikasi penghakiman: Untuk lafaz ijab dan qabul dalam sesuatu transaksi hibah, perlu ada lafaz yang jelas atau setidak-tidak yang memberi maksud bahawa pemberi hibah memberikan sesuatu harta sebagai hibah kepada penerima hibah. Lafaz yang tidak jelas akan menyebabkan sesuatu pemberian yang didakwa sebagai hibah ditolak oleh mahkamah sebagaimana yang berlaku dalam kes ini.

Satu perkara lagi yang perlu diutarakan di sini adalah siapakah yang boleh menjadi saksi dalam tuntutan hibah. Ini kerana dalam kebanyakan saksi dalam tuntutan hibah terdiri daripada ahli keluarga yang terdekat yang selalu bersama si mati. Keluarga terdekat ini juga pada kebiasaannya adalah ahli waris. Ia mungkin tidak menjadi masalah apabila semua pihak yang menuntut dan dituntut dapat mencapai kata sepakat dalam pembahagian harta peninggalan si mati. Walau bagaimanapun, jika ada salah seorang ahli waris yang tidak bersetuju dengan pembahagian secara persetujuan bersama ini, penuntut perlu membawa saksi bukan dalam kalangan ahli waris. Ini boleh menimbulkan masalah, kerana ahli keluarga terdekat dan waris biasanya akan dijadikan sebagai pihak yang dituntut dalam tuntutan hibah oleh pihak yang bukan waris. Sebagai alternatif pihak yang menuntut boleh menyokong pengesahan hibah dengan keterangan dokumen seperti pengesahan bertulis daripada pemberi hibah, resit binaan tambahan ke atas harta yang dihibahkan, dan lain-lain.

Bagi situasi di mana saksi yang boleh menyokong hibah hanya terdiri daripada ahli waris yang turut menjadi defendan, sebagaimana dalam kes ini, saksi tersebut boleh membuat ikrar atau pengakuan semasa memberi keterangan sebagai defendan dan bukannya sebagai saksi pihak plaintiff. Ini kerana seorang defendan tidak boleh memberi keterangan sebagai saksi untuk plaintiff.

Kesimpulan

Bagi setiap permohonan atau tuntutan pengesahan hibah, pihak plaintif perlulah memastikan semua rukun dan syarat sah hibah telah dipenuhi dan disokong oleh keterangan sama ada dokumen dan saksi yang layak menjadi saksi menurut hukum syara' dan peruntukan enakmen semasa yang terpakai.